Jabatan Antropologi dan sosiologi
No. Kelas: 85 · Abr
No Perolehan: T 0963
Tarikh: 18 MAR 1986

# PENYERTAAN POLITIK DI KALANGAN PENANAM-PENANAM PADI (SATU KES KAJIAN DI MUKIM RANAU, KOTA MARUDU) SABAH.

Oleh:

Abdul Raim Tapah

(44379)

Latihan Ilmiah

Bagi Memenuhi Sebahagian

Daripada Syarat-syarat Untuk

Ijazah Sarjana Muda

Jabatan Antropologi & Sosiologi

Universiti Malaya

Kuala Lumpur

Sessi 1985/86

University of Malaya

# PENGHARGAAN.

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam. Selawat dan salam kepada nabi Muhammad (S.A.W.) dan ahli keluarga dan para sahabatnya. Alhamdulillah, syukur kehadrat Allah kerana dengan limpah kurniaNya maka dapatlah saya menyelesaikan penulisan latihan ilmiah ini.

Melalui kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Dr. Zainal Kling, selaku penyelia luar saya dan juga kepada penyelia latihan ilmiah ini, En. Abdul Hadi Zakaria, yang telah sudi melapangkan masanya untuk meneliti dan menyemak draf latihan ilmiah ini.

Melalui kesempatan ini juga, saya ingin menyampaikan ucapan terima kasih saya kepada pihak Pejabat Daerah Kota Marudu, Pegawai Keselamatan Kota Marudu, Pejabat Pertanian Kota Marudu, para responden dan semua yang terlibat dalam penyediaan dan penulisan latihan ilmiah ini.

Abdul Raim Tapah
Asrama Keempat,
Universiti Malaya.
1985/6.

University of Malaya

SINOPSIS.

Latihan ilmiah ini mengandungi enam (6) bab. Secara keseluruhannya membincangkan tentang penyertaan politik di kalangan penduduk-penduduk yang diselidiki. Dalam pada itu, beberapa kes studi yang lain, juga turut dibincangkan secara rengkas sebagai asas perbandingan dengan kes yang diselidiki.

Dalam bab pertama, mengandungi penjelasan-penjelasan mengenai skop dan tujuan penyelidikan, teknik pengumpulan data, kesulitan-kesulitan yang dihadapai semasa menjalankan penyelidikan, latarnelakang daerah dan tempat kajian, latarbelakang politik kawasan yang diselidiki dan proposisi-proposisi.

Dalam bab kedua, dibincangkan beberapa konsep dan definisi yang berkaitan dengan penyertaan politik dan huraian tentang beberapa pendekatan (approach), khususnya dari sudut modenisasi-pembangunan dan psikologi-personaliti.

Dalam bab ketiga mengandungi suatu analisa umum tingkat dan corak penyertaan politik di kalangan masyarakat yang diselidiki, klasifikasi bentuk dan tingkat penyertaan politik mereka dan beberapa aspek lain.

Bab keempat membincangkan tentang perkaitan antara faktor-

faktor pendidikan dengan penyertaan politik secara umum dan perkaitan antara faktor pendidikan dengan tingkat penyertaan politik masyarakat yang diselidiki. Dalam bab ini juga dibincangkan latarbelakang dan tingkat pendidikan penduduk-penduduk di kawasan yang diselidiki.

Dalam bab kelima, dibincangkan juga perkaitan antara faktor-faktor pendapatan dan tingkat penyertaan politik di kalangan penduduk-penduduk kawasan ini, latarbelakang kegiatan ekonomi dan tingkat pendapatan mereka.

Bab keenam, merupakan bab kesimpulan bagi latihan ilmiah ini, mengandungi beberapa kesimpulan dan penegasan-penegasan tentan penyertaan politik masyarakat yang diselidiki. Di samping itu, beberapa rekomendasi juga dikemukakan di sini untuk penyelidikan-penyelidikan yang selanjutnya.

University of Malaya

KANDUNGAN — Muka Surat


| | | |
|---|---|---|
| Penghargaan | ..... ..... ..... | i |
| Sinopsis | ..... ..... ..... | iii |
| **BAB I - PENDAHULUAN** | | |
| I.I. | Tujuan dan masalah kajian ..... ..... | I |
| I.2. | Sampel penyelidikan ..... ..... | 3 |
| I.3. | Teknik pengumpulan data ..... ..... | 3 |
| I.4. | Kesulitan-kesulitan ..... ..... | 6 |
| I.5. | Latarbelakang daerah dan tempat kajian ..... ..... | 7 |
| I.6. | Sejarah dan latarbelakang politik tempat kajian ..... ..... | I0 |
| I.7. | Proposisi-proposisi ..... ..... | I2 |
| **BAB II - RANGKA KONSEPTUAL** | | |
| 2.I. | Definisi dan konsep ..... ..... | I3 |
| 2.2. | Penyertaan politik: Faktor-faktor pendorong ..... ..... | 2I |
| 2.2.I. | Pendekatan Modenisasi-Pembangunan ..... ..... | 22 |
| 2.2.2. | Pendekatan Psikologi-Personaliti ..... ..... | 25 |
| **BAB III - TINGKAT PENYERTAAN POLITIK MUKIM RANAU** | | |
| 3.I. | Pendahuluan ..... ..... | 26 |
| 3.2. | Bentuk dan tingkat penyertaan politik ..... | 30 |
| 3.3. | Kesimpulan ..... ..... | 35 |
| **BAB IV - PENYERTAAN POLITIK DAN TINGKAT PENDIDIKAN** | | |
| 4.I. | Pendahuluan ..... ..... | 38 |
| 4.2. | Penyertaan politik dan tingkat pendapatan ..... | 38 |
| 4.3. | Latarbelakang dan tingkat pendidikan ..... | 4I |
| 4.4. | Penyertaan politik dan tingkat pendidikan mukim Ranau ..... ..... | 47 |
| 4.5. | Kesimpulan ..... ..... | 5I |
| **BAB V - PENYERTAAN POLITIK DAN TINGKAT PENDAPATAN** | | |
| 5.I. | Pendahuluan ..... ..... | 54 |
| 5.2. | Penyertaan politik dan tingkat pendapatan | 54 |
| 5.3. | Latarbelakang kegiatan ekonomi dan tingkat pendapatan ..... ..... | 57 |


University of Malaya

KANDUNGAN - Muka Surat


| | | |
|---|---|---|
| 5.4. | Tingkat pendapatan dan tingkat penyertaan politik mukim Ranau ..... ..... | 60 |
| 5.5. | Kesimpulan ..... ..... | 64 |
| BAB VI - KESIMPULAN DAN PENUTUP | | |
| 6.I. | Tingkat penyertaan politik mukim Ranau: Satu kesimpulan umum ..... ..... | 66 |
| 6.2. | Penyertaan politik dan tingkat pendidikan | 67 |
| 6.3. | Penyertaan politik dan tingkat pendapatan | 68 |
| 6.4. | Rekomendasi ..... ..... | 69 |
| NOTA | ..... ..... ..... ..... | 7I |
| BIBLIOGRAFI | | |
| LAMPIRAN | | |


University of Malaya

# BAB I

# PENDAHULUAN

## I.I. Tujuan dan masalah kajian.

Telah menjadi suatu tanggapan umum bahawa masyarakat luar bandar, yang kebanyakannya terdiri daripada masyarakat tani adalah merupakan sebuah masyarakat yang pasif politik. Sama ada di peringkat tempatan mahupun di peringkat nasional. Untuk menerima atau menolak kenyataan tersebut, pengkaji merasakan penyelidikan ke atas mereka merupakan suatu yang amat penting.

Tujuan utama penyelidikan ini ialah; pertama, untuk melihat sejauh manakah tingkat penyertaan politik di kalangan masyarakat yang diselidiki. Kedua, sejauh manakah benarnya kenyataan yang mengatakan bahawa masyarakat luar bandar, khususnya masyarakat tani merupakan golongan yang pasif politik, sama ada di peringkat tempatan mahupun di peringkat nasional.

Untuk tujuan ini, pengkaji telah memilih sebuah komuniti kecil penanam-penanam padi di mukim Ranau, Kota Marudu, Sabah sebagai subjek penyelidikan. Kajian ini melibatkan sebanyak empat (4) buah kampung iaitu kampung Ranau, Kandawayon, Panaitan dan Taiwan.

Apa yang menarik pengkaji memilih komuniti berkenaan ialah, sebagai sebahagian daripada masyarakat luar bandar, mereka merupakan sekumpulan masyarakat yang agak <u>unique</u> dari segi struktur sosio-poli-

tiknya. Di samping itu, mereka juga merupakan sekumpulan masyarakat yang menjadi grass-root politik di peringkat nasional, di mana ianya dikatakan sebagai amat berkesan sekali dan merupakan kawasan potensi bagi menentukan turun-naiknya parti-parti politik dan pemerintah di-negara ini.

Memandangkan kepada beberapa kekurangan dan keterbatasan yang mungkin terdapat dalam penyelidikan ini, terutamanya dari segi saiz dan peringkat masyarakat yang diselidiki mungkin akan menjadi suatu kelemahan dan keterbatasan hasil-hasil penyelidikan ini sehingga menjadikannya tidak benar-benar representative bagi masalah yang diselidiki dan bagi kepentingan akademik secara umumnya.

Walau bagaimanapun pengkaji berharap penyelidikan ini sekurang-kurangnya akan dapat memberikan sedikit gambaran tentang realiti politik di kawasan luar bandar, khususnya yang berkaitan dengan corak dan tingkat penyertaan politik di kalangan masyarakat tani yang seakan-akan merupakan sebuah masyarakat yang terasing dari perkembangan-perkembangan politik di peringkat nasional.

Dalam penyelidikan ini beberapa aspek yang berkaitan dengan penyertaan politik, misalnya kedudukan sosio-ekonomi serta beberapa aspek lain, yang dirasakan releven dengan masalah yang diselidiki akan juga dianalisa dan diperhatikan. Walau bagaimanapun, analisa ke atas kedudukan sosio-ekonomi tersebut akan dihadkan dan ditumpukan

kepada faktor-faktor pendidikan dan pendapatan sahaja, untuk melihat sejauh manakah kedua-dua angkubah tersebut turut mempengaruhi bentuk-bentuk dan tingkat penyertaan politik masyarakat berkenaan.

Oleh kerana penggunaan konsep penyertaan politik itu terlalu luas, maka pengkaji juga akan menghadkan penyelidikan ini kepada beberapa aspen sahaja daripada penyertaan politik itu sendiri. Penekanan akan ditumpukan kepada beberapa tingkahlaku politik yang terlibat sahaja. Misalnya, penyertaan dalam kegiatan-kegiatan kempen, mengundi, jawatan-jawatan dalam parti dan beberapa tingkahlaku politik yang lain.

I.2. Sampel penyelidikan.

Penyelidikan ini melibatkan seramai lima puluh orang ketua keluarga. Jumlah tersebut hanya sebahagian sahaja daripada sejumlah I43 orang ketua keluarga yang telah dikumpulkan semasa menjalankan pilot-survey. Pemilihan sampel-sampel tersebut telah dilakukan secara random (rawak).

I.3. Teknik pengumpulan data.

Dalam penyelidikan ini, beberapa teknik pengumpulan data telah digunakan dalam usaha pengkaji untuk mendapatkan data dan maklumat daripada responden yang terlibat. Di antaranya termasuklah soalselidik (questionnaire), temubual (interview), pemerhatian, di-

University of Malaya

samping penggunaan kaedah penyelidikan perpustakaan (library research).

I.3.I. Borang soalselidik (questionnaire).

Borang soalselidik yang telah digunakan dalam penyelidikan ini terdiri daripada dua bentuk. Pertama, open-ended questionnaire yang mengandungi soalan-soalan yang berbentuk terbuka di mana soalan-soalan yang dikemukakan kepada para responden tidak disertakan dengan jawaban-jawabannya sekali. Responden yang terlibat bebas mengemukakan jawaban-jawaban mereka sendiri. Melalui cara ini pengkaji mendapati data-data dan maklumat yang diperolehi adalah lebih lengkap dan detil walaupun kadangkala maklumat-maklumat yang diberikan mengenai sesuatu isu atau masalah dicampuradukkan dengan beberapa isu atau masalah lain.

Kedua, soalselidik yang berbentuk close-ended questionnaire, iaitu soalan-soalan yang berbentuk tertutup di mana soalan-soalan yang dikemukakan kepada para responden disertakan dengan jawaban-jawabannya sekali. Responden berkenaan hanya dikehendaki memilih sahaja jawaban-jawaban yang telah disediakan. Melalui cara ini pengkaji mendapati data dan maklumat lebih mudah diperolehi. Walau bagaimanapun, jawaban-jawaban yang diberikan mungkin tidak menggambarkan sikap dan pandangan responden yang sebenarnya mengenai sesuatu isu atau masalah yang dikemukakan kepadanya. Mereka seakan-akan dipaksa untuk menerima sahaja jawaban-jawaban yang telah disediakan tanpa sebarang pilihan.

I.3.2. Temubual (interview).

Teknik pengumpulan data tersebut juga telah digunakan dalam penyelidikan ini, khususnya unstructured interview yang telah digunakan semasa mengadakan temubual dengan beberapa orang pegawai dan kakitangan kerajaan di daerah ini. Temubual tersebut dilakukan adalah untuk mendapatkan beberapa maklumat penting, terutamanya mengenai latar belakang masyarakat dan kawasan yang diselidiki.

I.3.3. Pemerhatian (observation).

Sepanjang penyelidikan ini dijalankan, segala geraklaku, kejadian-kejadian, keadaan tempat dan beberapa perkara lain yang dapat diperhatikan secara langsung, telah dicatatkan dan direkodkan untuk dijadikan sumber maklumat dalam penyelidikan dan penulisan latihan ilmiah ini.

I.3.4. Penyelidikan perpustakaan (library research).

Di samping menggunakan beberapa teknik pengumpulan data yang telah dijelaskan sebelumnya, pengkaji juga telah menggunakan kaedah penyelidikan perpustakaan, iaitu dengan membaca dan meneliti beberapa buah buku, artikel, latihan ilmiah dan bahan-bahan bertulis lain sebagai sumber rujukan dalam penyelidikan ini. Kaedah tersebut digunakan untuk memahami beberapa konsep dan kaedah yang berkaitan

dengan masalah yang diselidiki bagi menentukan kerangka (framework) yang akan digunakan dalam penyelidikan ini.

I.4. Kesulitan-kesulitan yang dihadapi semasa menjalankan penyelidikan.

Memang tidak dapat dinafikan, sepanjang penyelidikan ini dijalankan, pengkaji terpaksa berhadapan dengan beberapa kesulitan. Walau bagaimanapun, pengkaji merasa yakin bahawa kesulitan-kesulitan tersebut tidak akan mencacatkan hasil penyelidikan ini.

Semasa penyelidikan ini dijalankan, persiapan-persiapan untuk menghadapi Pilihanraya Umum Dewan Undangan Negeri Sabah sedang giat dan rancak dijalankan. Suasana politik di seluruh negeri Sabah pada ketika itu, termasuk juga kawasan yang diselidiki boleh dikatakan sedang berada dalam keadaan yang agak tegang, terutamanya di kalangan para penyokong parti-parti politik setempat.

Memandangkan kepada keadaan tersebut, penyelidikan ini terpaksa diberhentikan untuk beberapa hari lamanya kerana keadaan pada ketika itu tidak memungkinkan penyelidikan ini dapat dilakukan dengan sempurna. Tambahan pula, perkara-perkara yang berkaitan dengan masalah-masalah politik, terutamanya yang bersangkutan dengan anutan atau pegangan politik seseorang seakan-akan merupakan suatu perkara yang agak sensitive untuk diperbincangkan secara terbuka.


PETA DAERAH KOTA MARUDU
TELUK MARUDU
KOTA MARUDU
mukim Ranau
KOTA MARUDU
BANJARAN
CROCKER

Selain daripada itu, pengkaji juga menghadapi sedikit kesulitan dari segi bahasa perhubungan dengan para responden dan penduduk-penduduk di kawasan yang diselidiki. Boleh dikatakan bahawa penguasaan Bahasa Malaysia sebahagian daripada responden yang diselidiki adalah sangat rendah. Kesulitan ini timbul apabila mereka tidak dapat memahami maksud soalan-soalan yang dikemukakan kepada mereka dengan baik. Soalselidik atau temubual yang dilakukan dengan para responden terpaksa memakan masa yang agak panjang. Di samping itu, jawaban-jawaban yang diberikan kadangkala dengan menggunakan bahasa-bahasa daerah atau suku.(I)

Seterusnya pengkaji juga menghadapi masalah untuk mendapatkan bahan-bahan rujukan dan dokumentasi yang berkaitan dengan latarbelakang dan sejarah perkembangan politik tempatan. Hal ini menyebabkan sukarnya bagi pengkaji meneliti perkembangan-perkembangan politik di kawasan ini secara yang lebih detil dan lengkap.

## I.5. Pengenalan umum daerah kawasan tempat kajian.

Daerah Kota Marudu terletak di Selatan Teluk Marudu. Daerah ini berkeluasan I,I84km. per. (740 bt. per.) yang mengandungi sembilan buah mukim dan IO8 buah kampung. Di sebelah Baratnya terdapat daerah Kota Belud dan di sebelah Selatannya daerah Ranau dan Sugut.

Menurut banci penduduk terakhir tahun I980, penduduk daerah

ini berjumlah 30 ribu orang. Kaum Bumiputera[2] merupakan penduduk yang terbesar sekali bilangannya dengan jumlah 76.7 peratus daripada keseluruhan jumlah penduduknya. Semantara itu 30.7 peratus yang lain terdiri daripada kaum bukan bumiputera dan beberapa kaum lain.

Dari segi latarbelakang kegiatan ekonominya, kegiatan pertanian merupakan kegiatan ekonomi utama penduduk-penduduk daerah ini, yang melibatkan 59.8 peratus daripada keseluruhan jumlah penduduknya. Semantara itu, yang selebihnya terlibat dalam sektor perniagaan dan penjualan, perkhidmatan awam dan murid-murid sekolah.[3]

I.5.I. <u>Latarbelakang kawasan tempat kajian.</u>

Mukim Ranau terletak dalam daerah Kota Marudu yang mengandungi beberapa buah kampung. Di antaranya, Kampung Ranau, Kandawayon, Taiwan, Soronsob, Panaitan dan beberapa buah kampung lain. Mukim ini terletak lebihkurang dua batu jauhnya dari pekan Kota Marudu yang merupakan pekan terbesar dan pusat pentadbiran daerah ini. Penduduk mukim ini berjumlah I,040 orang.

Sebahagain besar daripada penduduk kawasan ini terdiri daripada kaum atau suku Kadazan. Diikuti kemudiannya oleh kaum Bajau dan sebilangan kecil kaum Cina. Kebanyakan penduduk yang mendiami beberapa buah kampung di bahagian Barat mukim ini terdiri daripada kaum Kadazan, terutamanya di kampung Panaitan, Taiwan, Soronsob dan beberapa buah

kampung lain.

Di kawasan sebelah Timur pula, kecuali di kampung Kandawayon, yang juga terletak di bahagian Timur mukim ini, kebanyakan penduduknya adalah terdiri daripada kaum Bajau dan sebilangan kecil kaum Cina. Walau bagaimanapun, di Kandawayon yang dinyatakan sebelum ini, kebanyakan penduduknya adalah terdiri daripada kaum Kadazan.

Dilihat dari segi kegiatan ekonominya, kegiatan ekonomi utama penduduk-penduduk kawasan ini ialah kegiatan pertanian, khususnya penanaman padi, yang dijalankan sebanyak dua musim setahun. Sementara itu, terdapat juga sebilangan penduduknya yang terlibat dalam sektor perniagaan dan penjualan, yang didominasikan oleh kaum Cina dan sebilangan kecil yang lain, terlibat dalam sektor perkhidmatan awam kerajaan.

Dilihat dari segi konteks sosialnya pula, pengkaji mendapati corak perhubungan antar-kaum di kawasan ini adalah ditentukan oleh faktor-faktor kaum dan pola penempatan kaum masing-masing. Boleh dikatakan bahawa konteks antar-kaum amat jarang berlaku. Keadaan ini mungkin disebabkan corak penempatan mereka yang terletak berasingan antara satu dengan yang lain. Di samping itu, setiap kaum lazimnya mendiami kawasan-kawasan penempatan tertentu. Pola penempatan yang sedemekian menyebabkan kurangnya konteks atau perhubungan sosial antar-kaum di kawasan ini.

Sebaliknya, perhubungan antara anggota-anggota suatu kaum yang sama, perhubungan antara mereka adalah lebih rapat dan kerap berlaku. Corak perhubungan mereka boleh dikatakan sebagai suatu perhubungan yang bercorak "face-to-face relationship", terutamanya dikalangan mereka yang mendiami satu kawasan penempatan yang sama. Keadaan ini berlaku mungkin disebabkan adanya konteks sosial yang lebih kerap di kalangan mereka.

Corak perhubungan yang sedemekian diperkukuhkan lagi oleh adanya pengamalan sistem kekeluargaan luas yang dipraktiskan oleh setengah-setengah kaum. Ini dapat dibuktikan dengan jelas, misalnya dalam sebuah kampung tertentu terdapat beberapa buah keluarga yang mengakui diri mereka mempunyai kaitan kekeluargaan antara satu dengan yang lain. Di samping itu, terdapat pula satu lagi sistem yang dikenali sebagai "mitabang"(4) yang dipraktiskan dalam kegiatan penanaman padi, khususnya di kalangan suku atau kaum Kadazan. Sistem ini menyerupai beberapa sistem lain yang diamalkan di beberapa kasawan lain, misalnya "berderau" (yang diamalkan di beberapa kawasan Kedah-Perlis) atau biasanya dipanggil sebagai gotong-royong.

## I.6. Sejarah dan latarbelakang umum politik kawasan tempat kajian.

Sejak kawasan ini diterokai dan dibuka sebagai sebuah ka-

wasan penempatan pada tahun 1952 yang lalu hinggalah masa ini, tidak ada terdapat sebarang rekod atau dokumentasi-dokumentasi yang dapat dipergunakan untuk mendapatkan maklumat yang berhubung dengan sejarah awal dan latarbelakang perkembangan politik di kawasan ini. Satu-satunya bukti yang dapat diterima sebagai titik permulaan perkembangan politik di tempat ini, ialah dengan penubuhan cawangan parti Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO) yang telah ditubuhkan pada tahun 1962 yang lalu.(5) Diikuti kemudiannya dengan penubuhan beberapa buah cawangan parti Bersatu Rakyat Jelata Sabah (BERJAYA) di tahun-tahun 1976 - 1977 dan yang terakhir sekali penubuhan cawangan-cawangan Parti Bersatu Sabah (PBS) pada tahun 1984 yang baru lalu.

Walaupun penjelasan-penjelasan tersebut tidak dapat memberikan suatu gambaran lengkap mengenai latarbelakang dan perkembangan politik di kawasan ini, tetapi dengan penjelasan-penjelasan tersebut sekurang-kurangnya memberikan suatu gambaran tentang perubahan-perubahan sikap atau "mode" politik di kalangan penduduk-penduduk kawasan ini, terutamanya dalam pemilihan pemimpin dan parti-parti politik yang mendapat sokongan mereka. Sepertimana yang telah menjadi pengetahuan umum, sejak mencapai kemerdekaan pada tahun 1963 yang lalu hinggalah masa ini, telah terdapat tiga "oder" yang menarajui pemerintahan negeri Sabah. Perubahan-perubahan mode politik tersebut juga telah turut mempengaruhi corak dan struktur politik di kawasan ini.

I.7. <u>Proposisi-proposisi.</u>

Dalam penyelidikan ini beberapa proposisi telah dikemukakan sebagai jawaban-jawaban semantara kepada masalah-masalah yang hendak diselidiki. Proposisi-proposisi tersebut akan diuji sejauh manakah ketepatannya melalui penyelidikan ini. Di antara proposisi-proposisi tersebut ialah;

I. "Bahawa tingkat penyertaan politik di kalangan masyarakat luar bandar, khususnya di kalangan masyarakat tani adalah sangat rendah dan bilangan mereka yang terlibat secara aktif dalam kegiatan-kegiatan politik pula sangat kecil jumlahnya".

2. "Bahawa golongan yang berpendidikan adalah lebih aktif dan cenderung untuk melibatkan diri mereka dalam kegiatan-kegiatan politik jika dibandingkan dengan golongan yang tidak berpendidikan".

3. "Bahawa golongan yang berpendapatan tinggi adalah lebih aktif dan cenderung untuk melibatkan diri mereka dalam kegiatan-kegiatan politik jika dibandingkan dengan golongan miskin dan berpendapatan rendah".

University of Malaya

BAB II

RANGKA KONSEPTUAL



Dalam bab ini akan dihuraikan beberapa definisi dan konsep penyertaan politik yang dirasakan sangat penting untuk memahami asas-asas dan konsep penyertaan politik yang menjadi fokus penyelidikan ini.

2.I. Definisi dan konsep.

Penyertaan politik secara umumnya dapat dikatakan sebagai pengelibatan seseorang atau sekumpulan anggota masyarakat dalam kegiatan-kegiatan politik di berbagai peringkat sistem politik itu sendiri.

Menurut Michael Rush dan Phillip Althoff, apa yang dimasudkan dengan penyertaan politik itu ialah, pengelibatan seseorang individu di berbagai peringkat dalam sesebuah sistem politik. Mereka mendefinisikan penyertaan politik sebagai;

> "Political participation is the involvement of the individual at various levels in the political system" (Michael Rush dan Phillip Althoff, I972, p. I4).

Satu definisi yang hampir sama juga telah dikemukakan oleh Hussain Mohamed (I974), di mana menurut beliau;

> "Konsep penyertaan politik itu dapat dikatakan sebagai turut serta dalam aktiviti-aktiviti dan pergerakan politik dalam berbagai peringkat sistem politik itu sendiri" (Hussain Mohamed, I974, p. I86 - I87).

Semantara itu Budiardjo pula menyatakan;

"Sebagai definisi umum dapat dikatakan bahwa partisipasi politik itu adalah kegiatan seseorang atau sekelompok orang untuk ikut serta secara aktif dalam kehidupan politik, yaitu dengan jalan memilih pemimpin negara dan, secara langsung atau tidak langsung, mempengaruhi kebijakan pemerentah (public policy). Kegiatan ini mencakup tindakan seperti memberi suara dalam pemilihan umum, menghadiri rapat umum, menjadi anggota suatu partai atau kelompok kepentingan, mengadakan hubungan (contacting) dengan pejabat pemerentah atau anggota perlemen dan sebagainya" (Budiardjo, I980, p. I).

Apa yang dapat difahami daripada definisi tersebut ialah, penyertaan politik menurut pandangan Budiardjo terbatas atau terhad kepada penyertaan yang aktif sahaja. Persoalan yang timbul di sini ialah, apakah ukuran yang dapat kita pergunakan untuk mengklasifikasikan bentuk-bentuk penyertaan politik itu kepada yang aktif, kurang aktif atau pasif dan sebagainya, Sedangkan konsep penyertaan politik itu sendiri adalah terlalu luas dan subjektif. Hal ini telah dijelaskan oleh Hussain Mohamed (I974) dimana menurut beliau;

"Oleh kerana penggunaan konsep pengelibatan dan penyertaan politik adalah luas dan boleh berubah-ubah dari peringkat "tidak terlibat langsung kecuali sebagai pengundi biasa" hinggalah menjadi ketua atau pemimpin parti atau wakil rakyat. Secara yang lebih tegas dan mudah, penyertaan dan pengelibatan politik itu boleh dibahagikan kepada dua, iaitu pengelibatan yang pasif dan aktif" (Hussain Mohamed, I976, p. I80 - I8I).

Kesulitan-kesulitan dari segi pengukuran ini juga telah dinyatakan oleh Di Palma (I970), menurutnya;

"To decide what activities constitute political participa-

tion is no simple metter. Some people devote thier full time and energy to politic; others choose to remain intrested but passive spectators. For others, politics is a metter of continuous and responsible attention; for others, political activity is episodic or engage only in time of crisis. Thus, acts of participation range from the most passive and sporadic to the most active and consistent" (Di Palma, 1970, p. 2).

Apa yang dapat kita simpulkan daripada beberapa penjelasan tersebut ialah; penyertaan politik tidak hanya terhad atau terbatas kepada kegiatan-kegiatan yang aktif sahaja, bahkan ianya terlalu luas dan boleh berubah-ubah dari peringkat yang paling pasif hinggalah keperingkat yang paling aktif.

Milbrath pula seterusnya menyatakan bahawa penyertaan politik itu adalah merujuk kepada;

"... those activities of private citizens by which they seek to influence or to support goverment and politic" (Milbrath, 1977, p. 2).

Memang tidak dapat dinafikan bahawa penyertaan politik itu merupakan suatu tindakan atau usaha yang dilakukan untuk mempengaruhi pihak kerajaan, terutamanya dalam pembentukan dasar-dasar umum dan tindakan-tindakan yang akan dilakukan oleh kerajaan, tetapi tidak semestinya kegiatan-kegiatan tersebut boleh dikatakan sebagai suatu tanda sokongan kepada pihak kerajaan atau sesebuah sistem politik itu sendiri.

Di negara-negara yang mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi dan selainnya, terdapat kemungkinan di mana wujudnya berbagai parti politik. Persaingan untuk mendapatkan pengaruh dan kekuasaan akan berlaku di kalangan parti-parti tersebut. Oleh kerana adanya perbezaan-perbezaan dari segi idealogi, prinsip dan dasar perjuanan dan sebagainya, terutamanya di antara parti yang memerintah (kerajaan) dengan beberapa parti lain yang menjadi saingannya, maka sudah tentulah tindakan-tindakan yang dilakukan juga saling bertentangan antara satu dengan yang lain. Dalam keadaan ini, penyertaan politik di kalangan anggota parti yang menjadi saingan kepada parti yang memerintah tidak dapat kita <u>generalisasikan</u> sebagai suatu tindakan untuk menyokong pihak kerajaan, bahkan penyertaan tersebut mungkin boleh kita katakan sebagai suatu tindakan menentang atau membangkang kerajaan.

Di Palma (1970) pula menganggap bahawa penyertaan politik itu adalah sebagai manifestasi sikap seseorang individu terhadap sistem sosial dan politik yang akan mengintegrasikan individu berkenaan ke dalam perhubungan-perhubungan yang terdapat dalam sistem sosial dan politik itu sendiri. Menurutnya penyertaan politik itu adalah sebagai;

> "... as the expression and product of person's integration into the system of social and political relationship" (Di Palma, 1970, p. 2).

Walau bagaimanapun dalam beberapa keadaan tertentu, pen-

yertaan politik itu mungkin tidak dapat dikatakan sebagai suatu manifestasi sikap atau expression seseorang individu terhadap sistem politik itu sendiri kerana terdapat kemungkinan-kemungkinan di mana penyertaan politik itu dimobilisasikan oleh golongan atasan atau pihak yang berkuasa. Sama ada dengan menggunakan kekerasan, paksaan dan sebagainya. Oleh itu tingkahlaku politik yang dilahirkan sebenarnya bukanlah merupakan suatu penyataan sikap individu berkenaan terhadap politik. Tetapi semata-mata lahir kerana adanya unsur-unsur paksaan, tekanan, kekerasan dan sebagainya yang dikenakan ke atas mereka.

Seterusnya McClosky pula menyatakan;

> "... those voluntary activities by which members of a society share in the selections of rulers and, directly or indirectly, in the formation of public policy" (McClosky, 1972, p. 525).

Semantara itu, Verba dan rakan-rakannya pula menyatakan bahawa penyertaan politik itu adalah merujuk kepada;

> "... those legal activities by private citizens which are more or less directly aimed at influencing the selection of govermental personnel and/or actions they make" (Verba et. al., 1972, p. 9).

Secara umumnya intisari kedua-dua definisi penyertaan politik tersebut dapat dirumuskan sebagai; suatu kegiatan yang bertujuan untuk mempengaruhi pihak pemerintah dalam pembentukan dasar-dasar umumnya, pemilihan pemimpin-pemimpin negara dan kakitangan

kerajaan serta tindakan-tindakan yang akan mereka lakukan. Walau bagaimanapun dari segi prinsipnya, kedua-dua definisi tersebut mempunyai penekanannya yang berbeza antara satu dengan yang lain. McClosky menganggap bahawa penyertaan politik itu adalah sebagai suatu kegiatan yang dilakukan secara sukarela. Semantara itu, Verba dan rakan-rakannya pula menganggap penyertaan politik itu khusus untuk kegiatan atau aktiviti yang legal sahaja.

Dalam hal ini, McClosky sama seperti beberapa sarjana lain dari negara-negara yang mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi yang beranggapan bahawa penyertaan politik itu adalah sebagai suatu kegiatan yang dilakukan secara sukarela atau "autonomos participation". Tetapi anggapan yang sedemekian tidak semestinya benar, terutamanya apabila kita cuba melihat beberapa sistem politik atau pemerintahan yang lain. Misalnya, di negara-negara yang mengamalkan sistem pemerintahan sosialis-komunis, totalitarian, fasis dan sebagainya.

Di negara-negara yang mengamalkan sistem politik atau pemerintahan yang berkenaan, Negara atau kerajaan adalah sebagai pusat segala kekuasaan dan pemerintahan. Kerajaan mempunyai kuasa yang amat luas. Oleh itu akan terdapat kemungkinan di mana kerajaan atau golongan atasan memobilisasikan penyertaan politik di kalangan masyarakat. Sama ada dengan menggunakan kekerasan fizikal, paksaan ataupun yang sebagainya. Dalam keadaan yang sedemekian konsep peny-

ertaan secara sukarela itu mungkin tidak dapat diterima.

Sebaliknya Verba dan rakan-rakannya pula menganggap bahawa penyertaan politik merujuk kepada kegiatan-kegiatan yang legal sahaja. Mengikut definisi tersebut, skop penyertaan politik terbatas kepada kegiatan-kegiatan yang legal sahaja. Dari segi ini, ternyata definisi tersebut juga masih mempunyai kelemahan-kelemahannya. Seperti yang telah dijelaskan sebelumnya, konsep penyertaan politik itu adalah terlalu luas dan subjektif. Dengan erti kata yang lain, penyertaan politik tidak hanya terbatas kepada kegiatan-kegiatan yang legal sahaja. Bahkan ianya mencakupi semua kegiatan-kegiatan politik. Sama ada legal atau illegal dan sebagainya. Selagi mana kegiatan-kegiatan tersebut masih mempunyai implikasi-implikasi politik.

Satu definisi yang agak <u>elaborate</u> telah dikemukakan oleh Huntington (I976) di mana menurut beliau;

> "By political participation we mean activity by private citizens designed to influence goverment decision-making. Participation may be individual or collective, organized or spontaneous, sustained or spordic, peaceful or violent, legal or illegal, effective or ineffective. Effective support for substantail shift in economic or social policies is mere likely to come from organized collective participation, which can assume a variety form" (Huntington, I976, p. 3).

Huntington secara yang lebih teliti dan tegas telah menjelaskan konsep penyertaan politik itu dengan menerangkan sifat-si-

fat atau "nature" dan bentuk-bentuk penyertaan politik itu sendiri tanpa membataskan skop penyertaan politik itu dengan batasan-batasan legal atau illegal, individual atau kolektif, secara aman ataupun melalui kekacauan dan sebagainya.

Sebagai kesimpulan daripada beberapa definisi yang telah dihuraikan sebelumnya, penyertaan politik itu dapat kita katakan sebagai; pengelibatan seseorang atau sekumpulan anggota masyarakat dalam kegiatan-kegiatan politik di berbagai peringkat sistem politik itu sendiri yang bertujuan untuk mempengaruhi pihak pemerintah dalam pembentukan dasar-dasar umumnya, memilih pemimpin-pemimpin negara dan kakitangan kerajaan serta tindakan-tindakan yang mereka lakukan, samada secara legal ataupun illegal, dalam suasana yang aman ataupun melalui kekacauan dan sebagainya.

Oleh kerana konsep penyertaan politik itu adalah terlalu luas dan subjektif maka sudah tentu tidak mungkin ada satu definisi yang bebar-benar dapat menjelaskan konsep penyertaan politik itu secara keseluruhannya. Memandangkan kepada masalah tersebut pengkaji merasakan adalah amat sukar untuk menentukan definisi yang akan digunakan dalam penyelidikan ini, kerana itu pengkaji lebih cenderung untuk menggunakan definisi "penyertaan politik" berdasarkan kepada suatu tanggapan umum yang berunsur "taken for granted reality" (Schultz, 1962). Pada pandangan pengkaji, adalah amat perlu bagi kita mengetahui penyertaan politik itu sendiri sepertimana yang di-

alami oleh masyarakat itu sendiri sebelum kita membuat sebarang rumusan atau penilaian mengenai kekurangan atau kelemahan sesuatu definisi atau konsep.

Secara umumnya aspek-aspek yang dikaitkan dengan penyertaan politik itu termasuklah beberapa aspek berikut:

I. Pengelibatan seseorang atau sekumpulan anggota masyarakat dalam kegiatan-kegiatan politik.

2. Kegiatan-kegiatan tersebut bertujuan untuk mempengaruhi tindakan-tindakan yang dilakukan oleh pihak pemerintah.

3. Kegiatan-kegiatan tersebut mungkin dilakukan melalui tindakan-tindakan yang legal ataupun illegal, dalam keadaan yang aman ataupun melalui kekacauan dan sebagainya.

Beberapa aspek yang telah dijelaskan akan digunakan sebagai rangka definisi dalam penyelidikan ini.

2.2. Penyertaan politik: Faktor-faktor pendorong.

Terdapat beberapa penjelasan telah dikemukakan oleh para sarjana Sains Sosial, khususnya ahli-ahli Sosiologi, Psikologi dan Sains Politik mengenai faktor-faktor yang menjadi penggerak atau pendorong penyertaan politik di kalangan masyarakat. Beberapa model atau pendekatan juga telah dikemukakan untuk menjelaskan perkara ter-

sebut. Di antaranya termasuklah model Modernisasi-Pembangunan, Psikologi-Personaliti, Perkembangan-Kognitif dan sebagainya. Walau bagaimanapun pengkaji tidaklah bermaksud untuk menghuraikan keseluruhan pendekatan atau model tersebut. Apa yang dilakukan di sini hanyalah sekadar untuk menghuraikan beberapa model tertentu sahaja.

2.2.I. <u>Model Modernisasi-Pembangunan</u>.

Modernisasi atau sering juga disebut sebagai pembangunan, khususnya pembangunan dalam bidang sosio-ekonomi, dianggap sebagai satu faktor penting yang mendorong penyertaan politik. Beberapa orang sarjana Sosiologi dan Sains Politik telah cuba menjelaskan perkaitan antara proses modernisasi dengan penyertaan politik di kalangan masyarakat, misalnya Di Palma (I970), Verba, Kim dan Nie (I972), Huntington (I976) dan beberapa orang sarjana lain.

Apa yang menjadi asas emperikal kepada pendekatan atau model ini ialah, pembangunan dalam bidang sosio-ekonomi dianggap sebagai suatu angkubah yang dapat mengujudkan kestabilan politik dalam masyarakat. Selanjutnya kestabilan dalam bidang politik akan menjadi pendorong pula kepada penyertaan politik. Secara rengkasnya, model ini dapat digambarkan sebagai berikut;




Di samping itu, pembangunan dalam bidang sosio-ekonomi ini

juga sering dikaitkan dengan beberapa perubahan lain dalam masyarakat, misalnya perubahan dalam tingkat pendidikan, pendapatan, status sosial, peluang-peluang pekerjaan dan sebagainya. Perubahan-perubahan tersebut dikatakan akan dapat mengujudkan kesatuan (solidarity) serta kestabilan politik dalam masyarakat sehingga kerajaan dapat mengukuhkan jentera pentadbiran dan pembentukan dasar-dasar umumnya, di samping itu ianya juga dikatakan akan dapat menggalakkan lagi penyertaan politik di kalangan masyarakat.

Sebaliknya,di negara-negara yang kurang membangun dari segi sosio-ekonominya atau apa yang dikatakan sebagai "underdog society" (Knupfer, 1947), keseimbangan politik tidak akan dapat diwujudkan sebaliknya timbul beberapa masalah sosio-ekonomi, misalnya kadar kemiskinan dan buta huruf yang tinggi, kurangnya peluang-peluang pekerjaan, mobiliti sosial yang amat rigid dan sebagainya. Kesan daripada keadaan tersebut, penyertaan politik akan menjadi lemah (Di Palma, 1970, Knupfer, 1947).

Untuk menjelaskan lagi perkaitan antara kedua-dua perkara tersebut, Huntington (1976) telah mengemukakan lima sebab penting bagaimana proses modernisasi dapat mempengaruhi penyertaan politik dikalangan masyarakat.

Pertama, modernisasi akan mengubah struktur sosio-ekonomi dalam masyarakat. Misalnya perkembangan dalam bidang pendidikan, peluang-peluang untuk memperbaiki dan meninggikan kedudukan ekonomi dan sebagainya. Perubahan-perubahan tersebut menurutnya

University of Malaya

akan membawa kepada kemunculan golongan yang berstatus tinggi dalam masyarakat, di mana pada lazimnya golongan tersebut adalah lebih cenderung untuk melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan politik.

Kedua, pembangunan dalam bidang sosio-ekonomi akan menimbulkan persaingan dalam masyarakat. Konflik akan berlaku di kalangan mereka. Setiap kumpulan atau kelas akan cuba mempertahankan dan mengukuhkan kedudukan kumpulan atau kelas masing-masing. Keadaan ini akan membawa kepada satu tindakan kolektif di kalangan kumpulan atau kelas yang berkenaan dan seterusnya membawa pula kepada suatu tindakkan atau gerakan yang bercorak politik.

Ketiga, modenisasi akan menimbulkan kompleksiti dalam bidang ekonomi. Pada masa yang sama kompleksiti tersebut akan membawa kepada penubuhan berbagai organisasi atau pertubuhan untuk menjaga kepentingan ahli atau kumpulan masing-masing. Misalnya kesatuan-kesatuan sekerja, persatuan-persatuan perniagaan, peladang, pertubuhan-pertubuhan kebudayaan, keagamaan dan sebagainya, yang melibatkan sejumlah besar daripada anggota masyarakat. Menurut Huntington, pada umumnya penyertaan dalam pertubuhan atau organisasi yang sedemekian mempunyai kaitan rapat dengan penyertaan dalam politik.

Keempat, pembangunan sosio-ekonomi menyebabkan fungsi atau peranan kerajaan semakin bertambah luas. Misalnya dalam pembentukan dasar-dasar umumnya, pembahagian peluang-peluang ekonomi,

penggubalan undang-undang dan sebagainya. Setiap tindakan yang dilakukan oleh kerajaan akan mendapat perhatian daripada masyarakat. Mereka akan memerhatikan kesesuaian tindakan-tindakan tersebut dengan kepentingan dan kehendak mereka. Di kalangan anggota masyarakat yang lebih aktif, terdapat kemungkinan di mana mereka akan cuba mempengaruhi tindakan yang akan dilakukan oleh kerajaan.

Kelima, pembangunan dalam bidang sosio-ekonomi pada lazimnya berlaku di peringkat nasional. Negara atau kerajaan merupakan jentera terpenting yang menggerakkan usaha-usaha tersebut. Kesan daripada keadaan ini terdapat sekumpulan anggota masyarakat yang merasakan hubungan mereka dengan pihak kerajaan menjadi semakin <u>kritikal</u>. Kerajaan mungkin dianggap sebagai telah <u>mencabuli</u> hak mereka sebagai warganegara. Sedangkan mereka berkeyakinan bahawa pada asasnya setiap warganegara mempunyai hak dan keistimewaan masing-masing. Hal yang sedemekian akan mendorong mereka melibatkan diri dalam politik sebagai suatu cara untuk melindungi hak dan kepentingan serta menunaikan tanggungjawab mereka sebagai warganegara.

2.2.2. <u>Pendekatan psikologi-personaliti</u>.

Selain daripada penjelasan-penjelasan dari sudut modenisasi-pembangunan yang telah dijelaskan sebelumnya, terdapat juga beberapa pendekatan lain. Di antaranya pendekatan dari sudut psikologi-personaliti yang cuba menunjukkan perkaitan antara faktor-faktor psikologi-

personaliti dengan penyertaan politik. Usaha-usaha tersebut telah dilakukan oleh beberapa orang sarjana sains sosial dan psikologi, di antaranya termasuklah H. T. Raynolds (1972), R. E. Dowse (1972), Milbrath (1977) dan lain-lain.

Pada umumnya penjelasan-penjelasan dari sudut psikologi-personaliti ini bertumpu pada attitude dan orientation seseorang individu terhadap politik. Para pendokong pendekatan ini beranggapan bahawa penyertaan politik itu adalah lahir daripada sikap dan orientasi seseorang individu terhadap politik. Kesimpulan penting daripada penjelasan-penjelasan yang telah mereka kemukakan ialah, seseorang yang mempunyai minat yang tinggi dan sikap positif terhadap politik adalah lebih cenderung melibatkan dirinya dalam kegiatan-kegiatan politik.

Sikap dan orientasi tersebut juga dikaitkan dengan beberapa trait psikologi yang lain. Misalnya rasa tanggungjawab sosial yang tinggi, rasa keupayaan untuk mempengaruhi kerajaan dalam pembentukan dasar-dasar umumnya dan beberapa aspek psikologi yang lain.

R. E. Dowse (1972) telah cuba menjelaskan perkaitan antara kehendak-kehendak psikologikal (psychological-need) dengan penyertaan politik. Menurutnya, penyertaan politik itu pada asasnya adalah lahir daripada kehendak-kehendak psikologi individu itu sendiri, iaitu sebagai suatu kehendak untuk menyesuaikan diri dan memahami per-

sekitaran sosial individu yang berkenaan, yang termasuk juga di dalamnya persekitaran politik itu sendiri (R. E. Dowse, 1972, p. 291 - 292).

Selain daripada itu, penyertaan dalam kegiatan-kegiatan politik juga dikatakan sebagai suatu kehendak untuk memenuhi tuntutan self-actualization seseorang individu. Politik adalah sebahagian daripada beberapa bidang lain, yang boleh memenuhi kehendak-kehendak tersebut. Terdapat juga kemungkinan di mana seseorang itu lebih mengutamakan bidang politik untuk memenuhi self-actualizationnya melebihi bidang-bidang lain seperti kesenian, sukan, kebudayaan dan sebagainya (Milbrath, 1977, p. 84).

Oleh kerana persoalan psikologi-personaliti merupakan suatu persoalan yang amat rumit, terutamanya untuk menentukan apakah penyertaan politik itu didorong oleh psychological-need ataupun psychological-satisfaction dan beberapa persoalan lain. Persoalan-persoalan tersebut mungkin menimbulkan beberapa kerumitan untuk mengimplementasikan pendekatan ini dalam penyelidikan-penyelidikan yang berkaitan dengan penyertaan politik. Walau bagaimanapun, kenyataan ini tidaklah bermaksud untuk menafikan peranan faktor-faktor psikologi-personaliti sebagai pendorong penyertaan politik, kerana penyertaan politik tidak mungkin didorong oleh satu-satu angkubah tertentu sahaja. Pengkaji berkeyakinan bahawa penyertaan politik itu adalah hasil dorongan berbagai angkubah yang saling berkaitan atau bergantungan antara satu

dengan yang lain. Tetapi terdapat juga kemungkinan di mana satu-satu angkubah tertentu lebih dominan daripada yang lainnya.

Oleh kerana terdapatnya beberapa kerumitan untuk mengimplementasikan pendekatan tersebut dalam penyelidikan-penyelidikan yang berkaitan dengan penyertaan politik. Apa lagi dalam penyelidikan-penyelidikan yang sangat terhad dan terbatas seperti penyelidikan ini. Memandangkan kepada beberapa persoalan tersebut, maka penyelidikan ini akan cuba ditumpukan kepada model modernisasi-pembangunan. Walaupun pengkaji menyedari bahawa adalah terlalu sukar untuk mengimplementasikan keseluruhan pendekatan tersebut dalam penyelidikan yang sangat terbatas ini.

Untuk kepentingan tersebut, penyelidikan ini akan ditumpukan kepada dua angkubah yang dianggap penting iaitu, tingkat pendidikan dan pendapatan kerana kedua-dua angkubah tersebut adalah sebagai hasil atau akibat daripada proses modenisasi-pembangunan itu sendiri.

# BAB III

## TINGKAT PENYERTAAN POLITIK DI KALANGAN PENANAM-PENANAM PADI MUKIM RANAU.

### 3.I. Pendahuluan.

Seperti mana yang telah dijelaskan sebelumnya, konsep penyertaan politik itu adalah terlalu luas dan boleh berubah-ubah dari satu peringkat ke peringkat yang lain. Kenyataan ini menunjukkan bahawa adanya pelbagai bentuk dan peringkat penyertaan politik di kalangan masyarakat. Tegasnya, dalam sesebuah masyarakat sebahagian daripada anggotanya mungkin terlibat secara aktif dalam kegiatan-kegiatan politik dan sebahagian yang lain mungkin tidak terlibat langsung. Dalam hal ini Huntington (I976) menyatakan bahawa;

> "In all societies some people participat in politics. In some societies more people participate then other societies. In any society some people participate then other people" (Huntington, I976, p. I0).

Pendapat yang sedemekian juga telah dikemukakan oleh Hussain Mohamed (I974), di mana menurut beliau;

> "... konsep pengelibatan dan penyertaan politik adalah luas dan boleh berubah-ubah dari peringkat "tidak terlibat langsung kecuali sebagai pengundi biasa" hinggalah menjadi ketua atau pemimpin parti atau wakil rakyat..." (Hussain Mohamed, I974, p. I80 - I8I).

Beberapa penyelidikan yang telah dilakukan sebelumnya memperkukuhkan lagi kebenaran pendapat-pendapat tersebut. Dowse (I972) dalam penyelidikannya mendapati sepertiga daripada penduduk-penduduk Amerika Syarikat dikatakan sebagai golongan yang "tidak menyedari"

langsung perkembangan-perkembangan politik yang berlaku di sekeliling mereka, 60 peratus sebagai "spectator", 7 - 9 peratus digolongkan sebagai golongan "transitional" dan hanya I - 3 peratus sahaja yang boleh dikatakan sebagai golongan aktif (R. E. Dowse, I972, p. 290).

Penjelasan-penjelasan tersebut menunjukkan memang terdapatnya perbezaan tingkat penyertaan politik di kalangan masyarakat, dan yang paling penting daripada itu ialah, golongan yang terlibat dalam kegiatan-kegiatan politik adalah terlalu kecil bilangannya. Fenomena yang sedemekian tidak hanya berlaku dalam sesebuah masyarakat tertentu sahaja, bahkan ianya berlaku dalam semua masyarakat.

Dalam huraian-huraian berikutnya, pengkaji akan cuba pula menumpukan perhatian untuk menganalisa bentuk-bentuk dan tingkat penyertaan politik di kalangan masyarakat yang diselidiki berdasarkan kepada proposisi berikut:

> "Bahawa tingkat penyertaan politik di kalangan masyarakat luar bandar, khususnya di kalangan masyarakat tani adalah sangat rendah dan bilangan mereka yang terlibat secara aktif dalam kegiatan-kegiatan politik pula adalah sangat kecil jumlahnya".

## 3.2. Bentuk dan tingkat penyertaan politik penanam-penanam padi mukim Ranau.

Daripada data-data yang telah dikumpulkan melalui penyelidikan ini, secara umumnya tingkat penyertaan politik di kalangan masyara-

dalam kegiatan menampal poster, mengedar risalah-risalah parti, menghadiri kempen dan perjumpaan-perjumpaan yang bercorak politik. Walaupun bentuk pengelibatan golongan ini tidak berapa jauh bezanya dengan mereka yang digolongkan sebagai peserta pasif. Tetapi dalam beberapa hal yang lain, misalnya dari segi tumpuan masa dan tenaga yang mereka sumbangkan untuk megiatan-kegiatan tersebut, mungkin dapat kita jadikan asas bagi membezakan kedua-dua golongan tersebut. Di damping itu, pengelibatan mereka dalam kegiatan-kegiatan yang sedemekian, menunjukkan adanya minat dan perhatian mereka yang lebih terhadap politik.

Semantara itu, mereka yang digolongkan ke peringkat penyertaan pasif pula, adalah terdiri daripada mereka yang tidak terlibat langsung dalam mana-mana kegiatan politik yang lain, kecuali dalam kegiatan mengundi sahaja. Secara mudahnya, bentuk-bentuk dan tingkat penyertaan politik di kalangan masyarakat kawasan ini dapat ditengkaskam seperti yang ditunjukkan dalam rajah berikut.

RAJAH I

HIRAKI BENTUK DAN TINGKAT PENYERTAAN POLITIK
DI KALANGAN PENANAM-PENANAM PADI
(MUKIM RANAU)
1985

| | |
|---|---|
| Peringkat aktif | Pemegang-pemegang jawatan penting parti |
| peringkat median | Penampal poster/pengedar risalah-risalah parti, menghadiri kempen dan perjumpaan-perjumpaan politik |
| Peringkat penyertaan pasif | Mengundi |

Berdasarkan kepada klasifikasi tersebut, pengkaji mendapati hanya I6 peratus sahaja daripada mereka yang boleh digolongkan sebagai golongan aktif, 56 peratus tergolong ke dalam peringkat median dan 28 peratus tergolong ke dalam peringkat penyertaan pasif (lihat jadual berikut).

JADUAL I

TINGKAT PENYERTAAN POLITIK DI KALANGAN PENANAM-PENANAM PADI MUKIM RANAU.

| Tingkat penyertaan | Bilangan | Peratus (%) |
|---|---|---|
| Aktif | 8 | I6 |
| Median | 28 | 56 |
| Penyertaan pasif | I4 | 28 |
| Jumlah | 50 | I00 |

SUMBER: Data-data soalselidik.

Gambaran tersebut menunjukkan betapa rendahnya tingkat penyertaan politik di kalangan masyarakat berkenaan. Lebih-lebih lagi jika dibandingkan jumlah mereka yang terlibat secara aktif dalam kegiatan-kegiatan politik di kawasan ini dengan mereka yang digolongkan dalam peringkat median dan penyertaan pasif. Walau bagaimanapun, kenyataan ini tidaklah bererti bahawa masyarakat berkenaan merupakan masyarakat yang apathy politik (political apathy). Ini dapat dibuktikan melalui pengelibatan mereka dalam beberapa kegiatan, misalnya dalam kegiatan kempen, perjumpaan-perjumpaan politik, mengundi dan sebagainya, yang melibatkan sejumlah besar daripada masyarakat

di kawasan ini. Lihat jadual berikut.

JADUAL II

BENTUK-BENTUK PENYERTAAN POLITIK DI KALANGAN PENANAM-PENANAM PADI (MUKIM RANAU) 1985

| Bentuk penyertaan | Bilangan | Peratus (%) |
|---|---|---|
| Pemegang jawatan penting parti | 8 | I6 |
| Penampal poster/pengedar risalah parti | I | 2 |
| Menghadiri kempen/perjumpaan politik | 27 | 54 |
| Mengundi | I4 | 28 |
| | 50 | I00 |

SUMBER: Data-data soalselidik.

Jadual tersebut menunjukkan 54 peratus daripada mereka terlibat dalam kegiatan-kegiatan kempen dan perjumpaan-perjumpaan yang bercorak politik, 28 peratus terlibat dalam kegiatan mengundi dan yang selebihnya terdiri daripada pemegang-pemegang pelbagai jawatan dalam parti, penampal poster dan pengedar risalah-risalah parti dan beberapa kegiatan lain. Data-data tersebut membukitkan bahawa masyarakat berkenaan bukanlah sebuah masyarakat yang apathy politik.

### 3.3. Kesimpulan.

Analisa ke atas tingkat penyertaan politik masyarakat berkenaan menunjukkan betapa rendahnya tingkat penyertaan politik mereka. Ini dapat diperhatikan dengan jelas daripada jumlah mereka yang terlibat secara aktif dalam kegiatan-kegiatan politik di kawasan tersebut. Penyelidikan yang telah dilakukan ke atas masyarakat berkenaan mendapati hanya 16 peratus sahaja daripada mereka yang diselidiki bolah dikatakan sebagai aktivis politik tempatan, 54 peratus tergolong ke peringkat median, dan 28 peratus tergolong ke peringkat penyertaan pasif. Selain dari itu, seperti mana yang dapat kita perhatikan dengan jelas melalui data-data tersebut, kita dapati juga bahawa bilangan mereka yang terlibat secara aktif dalam kegiatan-kegiatan politik adalah terlalu kecil jumlahnya. Hasil-hasil yang diperolehi melalui penyelidikan ini telah mengukuhkan lagi ketepatan proposisi yang dikemukakan sebelumnya iaitu;

> "Bahawa tingkat penyertaan politik di kalangan masyarakat luar bandar, khususnya masyarakat tani adalah sangat rendah dan bilangan mereka yang terlibat secara aktif dalam kegiatan-kegiatan politik pula adalah sangat kecil jumlahnya".

Selain daripada itu, satu fenomena yang dapat diperhatikan dalam bentuk-bentuk penyertaan politik di kalangan masyarakat berkenaan ialah, terdapatnya suatu bentuk penyertaan yang bersifat "seragan" dan "bermusim". Apa yang dimaksudkan sebagai seragan dan ber-

University of Malaya

PERPUSTAKAAN
JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

musim di sini ialah, penyertaan mereka dalam kegiatan-kegiatan politik hanya tertumpu kepada satu-satu musim tertentu sahaja, khususnya di musim pilihanraya diadakan. Walaupun data-data yang diperolehi tidak dapat menunjukkan kenyataan ini dengan jelas, tetapi dari beberapa bentuk kegiatan politik yang mereka sertai boleh disimpulkan bahawa fenomena tersebut memang benar-benar wujud dan berlaku dalam masyarakat berkenaan, Misalnya dalam kegiatan-kegiatan kempen, mengundi, menampal poster dan mengedar risalah-risalah parti dan sebagainya. Di mana kegiatan-kegiatan tersebut lazimnya berlaku di musim-musim pilihanraya diadakan sahaja.

Terdapat beberapa sebab yang dapat dikemukakan di sini untuk menjelaskan kenapa wujudnya fenomena yang sedemekian dalam masyarakat yang berkenaan (mungkin juga dalam masyarakat yang lain). Pertama, kegiatan-kegiatan tersebut agak mudah dilakukan dan tidak pula memerlukan mereka menyumbangkan lebih banyak masa, tenaga, wang dan sebagainya. Selain daripada itu, kegiatan-kegiatan tersebut biasanya berlaku dalam masa-masa atau musim tertentu sahaja, lazimnya diadakan setiap lima tahun sekali.

Kedua, adanya beberapa dorongan yang mendorong mereka untuk melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan tersebut. Misalnya dalam beberapa kegiatan seperti kempen dan perjumpaan-perjumpaan politik, pihak penganjur atau parti-parti yang menganjurkan kegiatan-kegiatan tersebut mengadakan berbagai kemudahan, misalnya kemudahan pengangkutan,

PERPUSTAKAAN
JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

jamuan makanan dan minuman dan sebagainya. Di samping itu, oleh kerana kegiatan-kegiatan tersebut lazimnya dihadiri oleh beberapa orang pemimpin di peringkat atasan, terdapat sebahagian kecil daripada mereka yang menghadiri kegiatan-kegiatan tersebut semata-mata untuk berjumpa dan mengemukakan masalah-masalah mereka kepada pemimpin-pemimpin berkenaan.

University of Malaya

# BAB IV

## PENYERTAAN POLITIK DAN TINGKAT PENDIDIKAN.

### 4.I. Pendahuluan.

Modenisasi-pembangunan, sesungguhnya telah membawa kepada beberapa perubahan penting dalam struktur masyarakat pada hari ini. Tiga komponen utama yang sering dikaitkan dengan proses tersebut ialah, perubahan dalam bidang pendidikan, pendapatan dan pekerjaan. Ketiga-tiga komponen ini, selanjutnya akan menentukan pula susunan status dalam masyarakat. Dalam konteks penyertaan politik, proses modenisasi-pembangunan, khususnya pembangunan dalam bidang sosio-ekonomi, dianggap sebagai suatu angkubah penting yang menjadi penggerak kepada penyertaan politik di kalangan masyarakat.

### 4.2. Penyertaan politik dan tingkat pendidikan.

Sebagai sebahagian daripada hasil proses modenisasi-pembangunan, pendidikan dianggap sebagai suatu "ciri kehidupan" penting masyarakat moden hari ini. Dilihat dari segi fungsinya, pendidikan merupakan suatu "media" yang dapat menyalurkan berbagai informasi dan kemahiran-kemahiran baru kepada seseorang.

Dalam konteks penyertaan politik, pendidikan merupakan suatu media, di mana informasi dan kemahiran-kemahiran politik disalurkan kepada seseorang. Sama ada melalui institusi-institusi formal ataupun tidak formal. Misalnya, sekolah, keluarga, kumpulan setara (peer group), media massa dan sebagainya. Rengkas-

nya, pendidikan adalah merupakan sebahagian daripada agensi-agensi proses sosialisasi politik.

Penyelidikan-penyelidikan yang telah dilakukan sebelumnya, di antaranya Di Palma (1970), Huntington (1976), Milbrath (1977) dan beberapa penyelidik lain, mendapati adanya suatu perkaitan rapat antara faktor-faktor pendidikan dengan penyertaan politik dikalangan masyarakat.

Huntington (1976) dalam penyelidikannya ke atas beberapa pilihanraya yang telah diadakan di India dalam tahun-tahun 1961, 1964 dan 1967 mendapati bahawa golongan yang berpendidikan adalah lebih berminat dan memberikan perhatian yang tinggi terhadap politik. Ini dimanifestasikan melalui pengelibatan mereka secara aktif dalam usaha-usaha untuk mempengaruhi pihak kerajaan dalam pembentukan dasar-dasar umumnya (public policy). Sama ada di peringkat tempatan ataupun di peringkat nasional. Selain dari itu, mereka juga lebih kerap membincangkan hal-hal yang berkaitan dengan politik. (Huntington, 1976, p. 82).

Verba dan rakan-rakannya (1971) dalam penyelidikan mereka ke atas lima buah negara (Amerika Syarikat, Britain, Austaria, Mexico dan India), mendapati keadaan yang sama juga berlaku di negara-negara yang mereka selidiki. Pendidikan, melalui "psychology involvement", telah menjadi suatu faktor utama yang mendorong penyert-

aan politik di kalangan penduduk negara-negara berkenaan, terutamanya dalam kegiatan-kegiatan yang bercorak komunal dan kempen (Verba et. el., 1971, p. 53 - 63).

Penjelasan-penjelasan tersebut menunjukkan betapa pentingnya peranan pendidikan ke atas corak dan tingkat penyertaan politik di kalangan masyarakat. Kesimpulan penting dari hasil-hasil penyelidikan tersebut ialah, bahawa golongan yang berpendidikan adalah lebih aktif dan cenderung untuk melibatkan diri mereka dalam kegiatan-kegiatan politik. Implikasi selanjutnya dari kenyataan ini ialah, bahawa semakin tinggi pendidikan yang diperolehi (dicapai) oleh seseorang, maka akan lebih besar pula kemungkinannya individu berkenaan untuk melibatkan dirinya secara aktif dalam kehidupan politik.

Untuk melihat sejauh manakah pengaruh pendidikan ke atas corak dan tingkat penyertaan politik masyarakat yang diselidiki. Analisa selanjutnya akan ditumpukan kepada faktor-faktor tersebut serta perkaitannya dengan penyertaan politik mereka. Analisa ini adalah berdasarkan kepada proposisi berikut:

> "Bahawa golongan yang berpendidikan adalah lebih aktif dan cenderung untuk melibatkan diri mereka dalam kegiatan-kegiatan politik jika dibandingkan dengan golongan yang tidak berpendidikan".

4.2. <u>Latarbelakang dan tingkat pendidikan penanam-penanam padi mukim Ranau.</u>

Data-data yang diperolehi daripada penyelidikan ini menunjukkan tingkat pendidikan kebanyakan penduduk di kawasan ini adalah sangat rendah. Malah, mereka mungkin boleh dianggap sebagai sebuah masyarakat yang "illiterate". Kenyataan ini akan dibuktikan melalui beberapa penjelasan dan kenyataan berikutnya.

Berdasarkan kepada data-data yang telah diperolehi, 72 peratus daripada mereka yang diselidiki adalah terdiri daripada golongan yang tidak berpendidikan. Semantara itu, 26 peratus mendapat pendidikan hanya di peringkat sekolah rendah sahaja, dan 2 peratus yang lain, mendapat pendidikan di peringkat sekolah menengah rendah. Lihat jadual berikut.

JADUAL III

TINGKAT PENDIDIKAN PENANAM-PENANAM PADI
(MUKIM RANAU)
1985

| Tingkat pendidikan | Bilangan | Peratus (%) |
|---|---|---|
| Universiti/Kolej | | |
| Sek. Men. Atas | | |
| Sek. Men. Rendah | I | 2 |
| Sek. Rendah | I3 | 26 |
| Tidak bersekolah | 36 | 72 |
| | 50 | I00 |

SUMBER: Data-data soalselidik.

Sepertimana yang ditunjukkan dalam jadual tersebut, kita dapati juga jumlah keseluruhan mereka yang berpendidikan hanya 28 peratus sahaja. Daripada jumlah ini, ianya dapat dipecahkan lagi kepada beberapa pecahan yang lebih kecil mengikut tempoh atau jangkamasa persekolahan yang pernah mereka hadiri. Lihat jadual berikutnya.

JADUAL IV

PECAHAN BILANGAN GOLONGAN BERPENDIDIKAN MENGIKUT TEMPOH PERSEKOLAHAN YANG DIHADIRI (MUKIM RANAU) 1985

| Tempoh persekolahan dihadiri | Bilangan | Peratus (%) |
|---|---|---|
| II - I2 | - | |
| 09 - I0 | I | 2% |
| 07 - 08 | - | |
| 05 - 06 | 7 | I4 |
| 03 - 04 | 5 | I0 |
| 0I - 02 | I | 2 |
| | I4 | 28 |

SUMBER: Data-data soalselidik.

Jadual tersebut menunjukkan tempoh atau jangkamasa persekolahan paling lama yang pernah dihadiri oleh sebahagian daripada responden yang diselidiki ialah, antara 9 - I0 tahun dengan jumlah sebanyak 2 peratus. Peratus terbesar tempoh atau jangkamasa persekolahan yang pernah dihadiri ialah, antara 5 - 6 tahun dengan jumlah I4 peratus. Diikuti kemudiannya oleh tempoh antara 3 - 4 tahun

University of Malaya

dengan jumlah IO peratus dan tempoh antara I - 2 tahun sebanyak 2 peratus.

Jika dilihat dari segi purata tempoh persekolahan yang dihadiri, akan kita dapati purata tempoh persekolahan yang pernah dihadiri bagi setiap orang daripada golongan yang berpendidikan ialah, antara 4 tahun 3 bulan hingga 5 tahun 3 bulan atau antara darjah 4 hingga darjah 5.

Gambaran tersebut menunjukkan dengan jelas betapa rendahnya tingkat pendidikan penduduk-penduduk kawasan ini. Baik dari segi jumlah mereka yang berpendidikan mahupun dari segi tempoh atau jangkamasa persekolahan yang pernah mereka hadiri. Lebih-lebih lagi jika diukur mengikut keperluan-keperluan kehidupan dan pendidikan <u>moden</u> masa kini. Di mana tempoh atau jangkamasa persekolahan yang sepatutnya, atau yang paling <u>minima</u> bagi setiap orang ialah, antara 9 - IO tahun. Di negara ini, had minima yang menyamai tempoh tersebut ialah, di peringkat Sijil Rendah Pelajaran (SRP).

Terdapat beberapa sebab yang boleh dikemukakan di sini untuk menjelaskan mengapa berlakunya keadaan yang sedemekian di kalangan penduduk-penduduk kawasan ini. Faktor utama ialah, kurangnya kemudahan-kemudahan untuk mendapatkan pendidikan. Sama ada diperingkat rendah ataupun di peringkat menengah, terutamanya dalam tahun-tahun I950an dan sebelumnya.

University of Malaya

Jika dilihat dari segi sejarah dan perkembangan pendidikan formal di daerah ini, ianya baru sahaja diperkenalkan dalam tahun-tahun 1950an yang lalu, iaitu dengan pembinaan dua buah sekolah rendah di pekan Kota Marudu dan Tandek. (Jarak antara kedua-dua pekan tersebut ialah lebih kurang 18 km.).

Walaupun pendidikan formal telah diperkenalkan dalam tahun-tahun tersebut. Tetapi bilangan mereka yang mendapat faedah daripada pengenalan sistem pendidikan ini masih terlalu kecil. Ini disebabkan oleh adanya beberapa masalah dan kesulitan lain yang dihadapi oleh kebanyakan penduduk kawasan ini. Misalnya, keadaan sistem perhubungan dan pengkakutan yang amat buruk, tingkat ekonomi dan pendapatan mereka dan sebagainya.

Dari segi perhubungan, sehingga tahun-tahun 1960an, hanya terdapat sebuah sahaja jalanraya utama yang menjadi penghubung antara beberapa kawasan di daerah ini. Boleh dikatakan perhubungan antara suatu kawasan dengan kawasan lain pada ketika itu amat sukar dilakukan.

Keadaan yang sedemekian diperburukkan lagi oleh ketiadaan suatu sistem pengangkutan yang sempurna. Murid-murid sekolah terpaksa berjalan kaki beberapa batu jauhnya untuk menghadiri persekolahan mereka. Misalnya, murid-murid yang tinggal di kawasan ini dan beberapa kawasan lain di sekitarnya, sekolah yang terdekat se-

University of Malaya

kali dengan tempat kediaman mereka terletak di pekan Kota Marudu, yang jauhnya antara 3 - 4 batu. Ini bererti, mereka terpaksa berulang-alik antara rumah dan sekolah mereka sejauh 6 - 8 batu setiap hari. Kesemuanya ini terpaksa dilakukan dengan berjalan kaki sahaja. Keadaan yang sedemekian sudah tentu tidak begitu menggalakkan mereka untuk mengikuti dan menghadiri persekolahan mereka dengan sempurna.

Selain dari itu, keadaan dan tingkat ekonomi mereka yang sangat rendah juga telah menjadi suatu penghalang kepada mereka untuk mendapatkan pendidikan yang lebih sempurna. Boleh dikatakan bahawa kebanyakan penduduk di kawasan ini adalah terdiri daripada golongan yang miskin. Keadaan yang sedemekian menyebabkan peluang-peluang dan kemampuan mereka untuk mendapatkan pendidikan yang lebih sempurna amat terbatas dan terhad. Kos pembelajaran yang tinggi (mengikut ukuran ekonomi mereka), terutamanya kos untuk mendapatkan pendidikan di peringkat menengah, menyebabkan ramai pelajar dari daerah ini, gagal untuk meneruskan pelajaran mereka keperingkat menengah.

Beberapa masalah yang telah dijelaskan sebelumnya telah menimbulkan beberapa kesan sampingan lain, terutamanya dari segi sikap dan pandangan mereka terhadap pendidikan. Tingkat ekonomi yang rendah, sistem perhubungan dan pengangkutan yang buruk, kekurangan kemudahan pendidikan dan sebagainya, telah menjadi pen-

ghalang utama kepada penduduk-penduduk kawasan ini untuk mendapatkan pendidikan yang lebih sempurna. Kesan daripada beberapa masalah tersebut ialah, timbulnya keadaan "frustrasi" dan "sikap dingin" terhadap pendidikan di kalangan mereka. Pendidikan dianggap sebagai suatu yang tidak begitu penting dalam praktis kehidupan mereka. Lagipun, keadaan golongan yang berpendidikan (yang berpendidikan hanya di peringkat sekolah rendah sahaja) tidak begitu jauh bezanya dengan kehidupan mereka yang tidak berpendidikan. Pendidikan yang mereka perolehi ternyata tidak dapat membantu mereka untuk memperbaiki keadaan hidup mereka, terutamanya untuk mendapatkan pekerjaan yang lebih sempurna. Lebih-lebih lagi dengan keadaan sistem pentadbiran kolonial yang ada pada ketika itu(6), yang tidak begitu banyak memberi peluang dan keutamaan kepada penduduk-penduduk tempatan. Keadaan yang sedemekian menyebabkan kurangnya motivasi untuk mendapatkan pendidikan di kalangan penduduk-penduduk di kawasan ini.

Secara langsung atau tidak langsung, kesemua masalah tersebut telah menyebabkan keadaan yang serba mundur dalam bidang pendidikan di kawasan ini, terutamanya di tahun-tahun 1950an dan sebelumnya. Keadaan yang sedemekian telah berlanjutan beberapa tahun lamanya, hinggalah ke tahun-tahun 1970an, di mana pendidikan telah mula berkembang dengan baiknya. Beberapa buah sekolah rendah dan menengah telah didirikan di beberapa kawasan dalam daerah ini. Perkembangan-perkembangan tersebut, dan beberapa perkembangan

dalam bidang lain. Umpamanya dalam bidang perhubungan dan pengangkutan, meningkatnya kesedaran terhadap pendidikan dan sebagainya, telah memperluaskan lagi peluang-peluang untuk mendapatkan pendidikan yang lebih sempurna dan meningkatkan lagi bilangan mereka yang berpendidikan di daerah ini.

4.3. <u>Penyertaan politik dan tingkat pendidikan penanam-penanam padi mukim Ranau.</u>

Penjelasan-penjelasan sebelumnya menunjukkan betapa rendahnya tingkat pendidikan penduduk-penduduk kawasan ini. Secara teoritikalnya, tingkat penyertaan politik mereka juga adalah rendah. Walau bagaimanapun, sebelum membuat sebarang <u>spikulasi</u> mengenai tingkat penyertaan politik masyarakat berkenaan, analisa sewajarnya ke atas mereka haruslah dilakukan terlebih dahulu.

Sepertimana yang ditunjukkan dalam jadual berikutnya (lihat jadual IV), kita dapati 6 peratus daripada I6 peratus daripada mereka yang tergolong sebagai golongan aktif adalah terdiri daripada golongan yang tidak berpendidikan. Jumlah tersebut hampir separuh daripada jumlah keseluruhan mereka yang digolongkan sebagai golongan aktif. Semantara itu, 38 peratus daripada mereka tergolong ke dalam peringkat <u>median</u> dan 28 peratus yang lain tergolong ke dalam peringkat penyertaan pasif.

JADUAL IV

PERINGKAT PENYERTAAN POLITIK DAN TINGKAT PENDIDIKAN
DI KALANGAN PENANAM-PENANAM PADI
(MUKIM RANAU)
1985.

| | T I N G K A T | P E N D I D I K A N | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Peringkat penyertaan* | Tidak sekolah | Drj. I-2 | Drj. 3-4 | Drj. 5-6 | Ting. I-3 |
| Aktif | 6% | | 2% | 8% | |
| Median | 38% | 2% | 8% | 6% | 2% |
| Penyertaan pasif | 28% | | | | |
| | 72% | 2% | 10% | 14% | 4% |

SUMBER: Data-data soalselidik.
* Untuk keterangan lanjut tentang klasifikasi tersebut, sila lihat klasifikasi yang telah dikemukakan sebelumnya dalam bab III.

Di kalangan golongan yang berpendidikan pula (sepertimana yang ditunjukkan dalam jadual di atas), kita dapati 10 peratus daripada mereka tergolong ke dalam peringkat aktif dan 18 peratus yang lain tergolong ke dalam peringkat median. Jika dilihat secara keseluruhannya, kita dapati bahawa corak dan tingkat penyertaan politik di kalangan golongan yang berpendidikan tidak begitu jauh bezanya dengan golongan yang tidak berpendidikan. Malah, dari segi yang lain, golongan yang tidak berpendidikan "mengatasi" golongan yang berpendidikan, terutamanya dari segi penguasaan ke atas be-

University of Malaya

berapa jawatan penting politik di peringkat cawangan. Ini dapat dilihat dengan jelas sepertimana yang ditunjukkan dalam jadual berikutnya.

JADUAL VI

PERATUS PENGUASAAN JAWATAN PENTING PARTI DAN TINGKAT PENDIDIKAN (MUKIM RANAU) 1985.

| | T I N G K A T | P E N D I D I K A N | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Jawatan | Tidak sekolah | Drj. I-2 | Drj. 3-4 | Drj. 5-6 | Ting. I-3 |
| Ketua/Pengerusi | 6% | | | 2% | |
| N. Ketua/Pengerusi | | | | | |
| Setiausaha | | | | 4% | |
| Bendahari | | | | | |
| Ahli Jawatankuasa | | | 2% | 2% | |
| | 6% | | 2% | 8% | |

SUMBER: Data-data soalselidik.

Jadual tersebut menunjukkan 6% daripada pemegang-pemegang jawatan penting parti di peringkat cawangan adalah terdiri daripada golongan yang tidak berpendidikan. Mereka terdiri daripada ketua atau pengerusi cawangan parti, yang merupakan jawatan terpenting dalam hieraki jawatan-jawatan penting politik di peringkat cawangan. Walaupun jumlah mereka agak kecil jika dibandingkan dengan jumlah mereka yang berpendidikan dalam penguasaan ke atas jawatan-jawatan

University of Malaya

tersebut, tetapi penguasaan mereka ke atas jawatan terpenting parti (ketua/pengerusi), menunjukkan bahawa kedudukan dan peranan mereka adalah lebih penting. Tambahan pula, kebanyakan (8%) daripada golongan berpendidikan hanya menguasai jawatan-jawatan yang tidak begitu penting dari segi kedudukan dan peranannya.

Dalam kegiatan-kegiatan seperti, menghadiri kempen dan perjumpaan-perjumpaan yang bercorak politik, kita dapati juga bilangan terbesar daripada mereka yang terlibat dalam kegiatan-kegiatan tersebut adalah terdiri daripada golongan yang tidak berpendidikan. Lihat jadual berikutnya.

JADUAL VII

PERATUS MENGHADIRI KEMPEN, PERJUMPAAN POLITIK
DAN TINGKAT PENDIDIKAN
(MUKIM RANAU)
1985

| | TINGKAT PENDIDIKAN | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Bentuk kegiatan: Hadir kempen/perjumpaan politik | Tidak sekolah | Drj. 1-2 | Drj. 3-4 | Drj. 5-6 | Ting. 1-3 |
| Hadir | 44% | 2% | 10% | 14% | 2% |
| Tidak hadir | 28% | | | | |
| | 72% | 2% | 10% | 14% | 2% |

SUMBER: Data-data soalselidik.

University of Malaya

Jadual tersebut menunjukkan 44 peratus daripada mereka yang terlibat dalam kegiatan-kegiatan kempen dan perjumpaan-perjumpaan yang bercorak politik adalah terdiri daripada mereka yang tidak berpendidikan. Di kalangan golongan berpendidikan pula, bilangan mereka yang terlibat dalam kegiatan-kegiatan tersebut, berjumlah 28 peratus. Dilihat dari segi jumlahnya, jelas menunjukkan bahawa golongan yang tidak berpendidikan "mengatasi" golongan berpendidikan dalam kegiatan-kegiatan tersebut.

4.5. Kesimpulan.

Analisa yang telah dilakukan, menunjukkan golongan yang tidak berpendidikan juga merupakan golongan yang aktif dalam kegiatan-kegiatan politik, khususnya dalam konteks politik tempatan. Dilihat dari segi jumlahnya, kita dapati 6 peratus daripada I6 peratus daripada mereka yang digolongkan sebagai golongan aktif adalah terdiri daripada golongan yang tidak berpendidikan. Malah, dari segi yang lain, golongan tersebut "mengatasi" golongan berpendidikan dari segi penguasaan mereka ke atas jawatan-jawatan penting parti di peringkat cawangan. Keadaan yang sama juga kita dapati dalam beberapa kegiatan lain, misalnya dalam kegiatan-kegiatan kempen dan perjumpaan-perjumpaan yang bercorak politik. Dengan itu, proposisi yang dikemukakan sebelumnya, tidak dapat dibuktikan ketepatannya melalui penyelidikan ini.

University of Malaya

Walau bagaimanapun, kenyataan ini tidak bererti bahawa pendidikan, secara relatifnya tidak mempunyai perkaitan dan pengaruhnya ke atas penyertaan politik. Penyelidikan-penyelidikan yang dilakukan sebelumnya, misalnya Verba dan rakan-rakannya (1971), Huntington (1976), Milbrath (1977) dan beberapa penyelidikan lain, telah membuktikan bahawa pendidikan adalah sebahagian daripada angkubah penting yang menjadi daya penggerak kepada penyertaan politik.

Di samping itu, terdapat juga beberapa perkara lain yang perlu diperhatikan di sini, terutamanya dari segi saiz sampel dan latarbelakang pendidikan penduduk-penduduk yang diselidiki. Dari segi saiz sampel, bilangan mereka yang menjadi subjek (sampel) penyelidikan ini adalah terlalu kecil jumlahnya. Terdapat kemungkinannya sampel-sampel yang dipilih dan data-data yang diperolehi tidak dapat menggambarkan keadaan sebenar masalah dan masyarakat yang diselidiki.

Dilihat dari segi latarbelakang pendidikan masyarakat berkenaan, sepertimana yang telah dijelaskan dalam huraian-huraian yang terdahulu, kebanyakan penduduk kawasan ini adalah terdiri daripada golongan yang tidak berpendidikan. Malah, boleh dikatakan bahawa masyarakat berkenaan adalah sebuah masyarakat yang illiterate. Dalam keadaan yang sedemekian (di mana kebanyakan penduduknya dalam keadaan yang illiterate), adalah amat sukar untuk membuktikan

sebarang perkaitan yang jelas di antara faktor-faktor pendidikan dengan corak dan tingkat penyertaan politik mereka.

Analisa yang telah dilakukan ke atas tingkat pendidikan dan penyertaan politik di kalangan masyarakat berkenaan menunjukkan tidak adanya suatu korelasi positif di antara faktor-faktor pendidikan dengan corak dan tingkat penyertaan politik mereka. Dalam analisa selanjutnya, pengkaji akan cuba menumpukan perhatian kepada faktor-faktor pendapatan dan sejauh manakah perkaitannya dengan tingkat dan corak penyertaan politik masyarakat berkenaan.

## 5.2. Penyertaan politik dan tingkat pendapatan.

Beberapa penyelidikan yang telah dilakukan sebelumnya, misalnya, penyelidikan-penyelidikan yang telah dilakukan oleh Brower (1971), Almond dan Verba (1963), Milbrath (1977) dan beberapa penyelidikan yang lain menunjukkan adanya perkaitan rapat di antara faktor-faktor pendapatan dan penyertaan politik. Hasil-hasil penyelidikan tersebut mendapati bahawa golongan yang berpendapatan tinggi adalah lebih aktif dan cenderung untuk melibatkan diri mereka dalam kegiatan-kegiatan politik jika dibandingkan dengan golongan yang miskin dan berpendapatan rendah.

Penyelidikan yang telah dilakukan oleh Brower (1971) ke atas pilihanraya presiden Columbia di Bogota pada tahun 1970, mendapati peratus orang dewasa yang keluar mengundi dalam pilihan-

BAB V

PENYERTAAN POLITIK DAN TINGKAT PENDAPATAN.



5.I. Pendahuluan.

Analisa yang telah dilakukan ke atas tingkat pendidikan dan penyertaan politik di kalangan masyarakat berkenaan menunjukkan tidak adanya suatu korelasi positif di antara faktor-faktor pendidikan dengan corak dan tingkat penyertaan politik mereka. Dalam analisa selanjutnya, pengkaji akan cuba menumpukan perhatian kepada faktor-faktor pendapatan dan sejauh manakah perkaitannya dengan tingkat dan corak penyertaan politik masyarakat berkenaan.

5.2. Penyertaan politik dan tingkat pendapatan.

Beberapa penyelidikan yang telah dilakukan sebelumnya, misalnya, penyelidikan-penyelidikan yang telah dilakukan oleh Brower (I97I), Almond dan Verba (I963), Milbrath (I977) dan beberapa penyelidikan yang lain menunjukkan adanya perkaitan rapat di antara faktor-faktor pendapatan dan penyertaan politik. Hasil-hasil penyelidikan tersebut mendapati bahawa golongan yang berpendapatan tinggi adalah lebih aktif dan cenderung untuk melibatkan diri mereka dalam kegiatan-kegiatan politik jika dibandingkan dengan golongan yang miskin dan berpendapatan rendah.

Penyelidikan yang telah dilakukan oleh Brower (I97I) ke atas pilihanraya presiden Columbia di Bogota pada tahun I970, mendapati peratus orang dewasa yang keluar mengundi dalam pilihan-

raya tersebut secara tipikalnya mempunyai perkaitan dengan faktor-faktor pendapatan. Data-data yang diperolehi menunjukkan 85 peratus daripada mereka yang keluar mengundi adalah terdiri daripada golongan yang berpendapatan tinggi (lebih daripada I0,000 peso sebulan). Sebaliknya, golongan yang berpendapatan rendah dan miskin (0 - I,000 peso sebulan), bilangan mereka yang keluar mengundi dalam pilihan-raya yang sama hanya 59 peratus sahaja.(7)

Keadaan yang sama juga berlaku di beberapa buah negara lain. Penyelidikan Almond dan Verba (I963) ke atas lima (5) buah negara (Amerika Syarikat, Britain, Jerman, Itali dan Mexico) juga mendapati selain daripada faktor-faktor pendidikan, jentina, ras dan beberapa faktor lain, faktor pendapatan juga merupakan salah satu daripada angkubah penting yang turut mempengaruhi corak dan tingkat penyertaan politik di negara-negara yang mereka selidiki (Almond dan Verba, I963, p. 380 - 38I).

Walau bagaimanapun, penyelidikan-penyelidikan yang telah dilakukan di beberapa buah negara lain. Misalnya di India (Goel, I975) dan di Jepun (Kuroda, I947) mendapati tidak adanya suatu korelasi signifiken antara faktor-faktor pendapatan dan penyertaan politik di kalangan penduduk-penduduk negara berkenaan.(8)

Penemuan-penemuan yang berbeza daripada beberapa penye-

lidikan yang telah dilakukan sebelumnya membawa kita kepada satu kesimpulan bahawa faktor-faktor pendapatan, secara relatifnya, bukanlah satu-satunya angkubah yang dapat menentukan corak dan tingkat penyertaan politik di kalangan massa. Dalam sesebuah masyarakat tertentu, faktor pendapatan mungkin tidak mempunyai kesan positif atau sekurang-kurangnya tidak dapat menunjukkan suatu korelasi signifiken ke atas penyertaan politik masyarakat berkenaan, seperti mana yang ditunjukkan dalam beberapa penyelidikan sebelumnya.

Kenyataan ini tidak bermaksud untuk menafikan "potensi-potensi" faktor pendapatan sebagai suatu angkubah yang menjadi pendorong kepada penyertaan politik massa kerana faktor pendapatan mempunyai perkaitan dengan beberapa faktor lain. Misalnya, kemampuan untuk mendapatkan pendidikan yang lebih sempurna, kemampuan untuk mendapatkan media massa, status sosial dan sebagainya. Perkaitan-perkaitan ini, lebih memungkinkan bahawa faktor pendapatan juga merupakan suatu angkubah penting yang mendorong penyertaan politik di kalangan masyarakat.

Untuk melihat sejauh manakah pengaruh faktor-faktor pendapatan ke atas corak dan tingkat penyertaan politik di kalangan masyarakat di kawasan ini, penelitian dan analisa selanjutnya akan cuba ditumpukan kepada faktor-faktor pendapatan dan perkaitannya dengan corak dan tingkat penyertaan politik di kalangan masyarakat berkenaan. Analisa selanjutnya adalah berdasarkan kepada proposisi

berikut:

> "Bahawa golongan yang berpendapatan tinggi adalah lebih aktif dan cenderung untuk melibatkan diri mereka dalam kegiatan-kegiatan politik jika dibandingkan dengan golongan miskin dan berpendapatan rendah".

## 5.3. Latarbelakang kegiatan ekonomi dan tingkat pendapatan penanam-penanam padi mukim Ranau.

Kegiatan pertanian, khususnya kegiatan penanaman padi merupakan kegiatan ekonomi utama penduduk-penduduk kawasan ini. 97.2 peratus daripada mereka adalah terlibat dalam kegiatan penanaman padi. Kegiatan penanaman padi di kawasan ini telah dijalankan sejak tahun 1952 yang lalu. Pada ketika itu, kegiatan penanaman padi dilakukan hanya satu musim sahaja setahun sehinggalah ke tahun 1962, di mana penanaman padi duakali setahun telah dimulakan dengan adanya sistem taliair yang telah dibina pada tahun tersebut(9).

Kebanyakan hasil-hasil tanaman yang mereka keluarkan dijual kepada taukeh-taukeh Cina, Persatuan Peladang dan pembeli-pembeli lain yang bertindak sebagai orang tengah. Harga hasil-hasil pertanian yang mereka jual adalah ditentukan oleh pembeli-pembelinya sendiri. Walau bagaimanapun, daripada penyelidikan yang telah dilakukan, pengkaji mendapati hasil-hasil tanaman yang mereka jual kurang dari atau separuh sahaja daripada keseluruhan jumlah hasil

tanaman yang mereka perolehi dari setiap musim penanaman. Semantara itu, bakinya mereka gunakan sendiri atau disimpan untuk keperluan di masa-masa kecemasan atau sebagainya.

Sama seperti masyarakat-masyarakat tani yang lain, mereka juga merupakan golongan yang agak mundur dan rendah dari segi tingkat ekonominya. Keadaan yang sedemekian memang telah menjadi suatu kelaziman bagi masyarakat tani di kebanyakan tempat, baik di negara ini mahupun di negara-negara lain, khususnya di negara-negara Dunia Ketiga. Di mana mereka bergantung sepenuhnya kepada hasil-hasil pertanian sebagai sumber utama pendapatan mereka.

Keadaan pasaran dan penawaran harga yang tidak stabil bagi hasil-hasil pertanian dan beberapa faktor lain, seperti bencana alam, tingkat penggunaan teknologi yang rendah dan sebagainya telah menyebabkan kaum tani tidak dapat memperbaiki dan meningkatkan kedudukan ekonomi mereka. Kemunduran dalam bidang ekonomi ini, seolah-olah telah menjadi suatu ciri umum bagi kebanyakan masyarakat tani. Hakikat tersebut juga tidak terlepas daripada masyarakat tani di kawasan ini. Keadaan tersebut dapat diperhatikan dengan jelas baik dari segi tingkat pendapatan mereka mahupun dari segi yang lain, yang membabitkan kemunduran-kemunduran lain, misalnya kemampuan untuk mendapatkan pendidikan yang lebih sempurna, kemudahan fizikal persekitaran tempat tinggal, tingkahlaku dan sebagainya.

Daripada penyelidikan yang telah dilakukan ke atas masyarakat berkenaan, pengkaji mendapati 76 peratus daripada mereka adalah berpendapatan antara \$I00.00 - \$200.00 sebulan, I6 peratus yang berpendapatan antara \$20I.00 - \$300.00, 4 peratus berpendapatan antara \$30I.00 - \$400.00 dan 4 peratus berpendapatan antara \$40I.00 - \$500.00 sebulan (lihat jadual VIII berikut).

JADUAL VIII

PURATA PENDAPATAN BULANAN PENANAM-PENANAM PADI
MUKIM RANAU
(I985)

| Purata pendapatan bulanan (\$00) | Bilangan | Peratus (%) |
|---|---|---|
| 600.00 ke atas | | |
| 40I.00 - 500.00 | 2 | 4 |
| 30I.00 - 400.00 | 2 | 4 |
| 20I.00 - 300.00 | 8 | I6 |
| I00.00 - 200.00 | 38 | 76 |
| 0 - 099.00 | | |
| | 50 | I00 |

SUMBER: Data-data soalselidik.

Jika diukur mengikut garis kemiskinan yang dikemukakan oleh SERU (Unit Penyelidikan Sosio-Ekonomi Jabatan Perdana Menteri) I983, yang menetapkan garis kemiskinan dan purata pendapatan bulanan bagi setiap isirumah sebanyak \$384.00 sebulan, maka akan kita dapati antara 94 - 96 peratus daripada mereka yang diselidiki adalah merupakan golongan miskin dan berpendapatan rendah. Lebih-lebih

lagi jika diambilkira tentang keadaan taraf hidup (cost of living) yang amat tinggi di negeri ini.

## 5.4. Tingkat pendapatan dan penyertaan politik di kalangan penanam-penanam padi mukim Ranau.

Analisa yang dilakukan sebelumnya, menunjukkan 94 - 96 peratus daripada mereka yang diselidiki adalah terdiri daripada mereka yang miskin dan berpendapatan rendah. Gambaran ini menunjukkan bahawa kebanyakan penduduk di kawasan ini adalah merupakan golongan-golongan yang miskin dan berpendapatan rendah. Secara teoritikalnya, masyarakat berkenaan adalah merupakan sebuah masyarakat yang pasif politik. Walau bagaimanapun, pengkaji merasakan adalah suatu yang amat penting untuk meneliti dan menyelidiki masyarakat berkenaan terlebih dahulu sebelum membuat sebarang apa-apa spikulasi mengenai penyertaan politik mereka.

Berdasarkan kepada data-data yang diperolehi melalui penyelidikan ini, pengkaji mendapati I4 peratus daripada I6 peratus daripada mereka yang digolongkan sebagai golongan aktif adalah terdiri daripada mereka yang miskin dan berpendapatan rendah (antara $I00.00 - $400.00 sebulan). Semantara itu, 54 peratus daripada mereka tergolong ke peringkat median dan 28 peratus di peringkat penyertaan pasif (lihat jadual IX berikut).

JADUAL IX

TINGKAT PENDAPATAN DAN TINGKAT PENYERTAAN POLITIK
PENANAM-PENANAM PADI
(MUKIM RANAU)
1985

| Purata pendapatan bulanan ($00) | TINGKAT PENYERTAAN | | |
|---|---|---|---|
| | Peringkat aktif (I) | Peringkat median (2) | Peringkat penyertaan pasif (3) |
| 600.00 ke atas | | | |
| 40I.00 - 500.00 | 2% | 2% | |
| 30I.00 - 400.00 | 4% | | |
| 20I.00 - 300.00 | 2% | I0% | 4% |
| I00.00 - 200.00 | 8% | 44% | 24% |
| 0 - 099.00 | | | |
| | I6% | 56% | 28% |

SUMBER: Data-data soalselidik.
NOTA : I, 2 dan 3 lihat klasifikasi yang telah dikemukakan sebelumnya di bab III.

Data-data tersebut menunjukkan bahawa golongan yang miskin dan berpendapatan rendah juga merupakan golongan yang aktif dalam kegiatan-kegiatan politik, khususnya dalam konteks politik tempatan. Malah dari segi yang lain, golongan tersebut <u>mengatasi</u> golongan lain yang berpendapatan lebih tinggi (antara $40I.00 - $500.00 sebulan), terutamanya dari segi penguasaan ke atas jawatan-jawatan penting politik di peringkat cawangan (lihat jadual X berikutnya).

Dalam jadual yang berikutnya, kita dapati I0 peratus daripada mereka yang memegang jawatan-jawatan penting parti di peringkat

JADUAL X

PERATUS PENGUASAAN JAWATAN PENTING PARTI
DAN TINGKAT PENDAPATAN
(MUKIM RANAU)
1985

| JAWATAN | T I N G K A T P E N D A P A T A N* | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | 0 - 99 | IOO - 200 | 20I - 300 | 30I - 400 | 40I - 500. |
| Ketua/Pengerusi | | 2% | 2% | 2% | 2% |
| N. Ketua/Pengerusi | | | | | |
| Setiausaha | | 2% | | 2% | |
| Ahli Jawatankuasa | | 4% | | | |
| | | 8% | 2% | 2% | 2% |

SUMBER: Data-data soalselidik.
* Purata pendapatan bulanan ($00).

kat cawangan adalah terdiri daripada mereka yang berpendapatan antara $IOO.00 - $400.00 sebulan, terutamanya dalam jawatan ketua atau pengerusi cawangan parti dengan jumlah sebanyak 6 peratus. Semantara itu, 4 peratus yang lain menguasai jawatan setiausaha dan 4 peratus sebagai ahli jawatankuasa parti. Sebaliknya golongan yang berpendapatan lebih daripada $40I.00 sebulan, bilangan mereka yang terlibat hanya 2 peratus sahaja.

Walau bagaimanapun, pengelibatan golongan miskin dan yang berpendapatan rendah lebih tertumpu kepada kegiatan-kegiatan seperti mengundi, menghadiri kempen dan perjumpaan-perjumpaan politik sahaja. Kegiatan-kegiatan tersebut melibatkan 86 peratus daripada ju-

University of Malaya

mlah mereka keseluruhannya. Lihat jadual berikut.

JADUAL XI

HIRAKI PENYERTAAN POLITIK DAN TINGKAT PENDAPATAN
(MUKIM RANAU)
I985

| Bentuk penyertaan | T I N G K A T | P E N D A P A T A N* | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | 0 - 99 | I00-200 | 20I-300 | 30I-400 | 40I-500 |
| Pemegang jawatan parti | | 8% | 2% | 4% | 2% |
| Menampal poster/ mengedar risalah | | 2% | | | |
| Menghadiri kempen/ perjumpaan politik | | 42% | I0% | | 2% |
| Mengundi | | 24% | 4% | | |
| Jumlah kecil | | 76% | I6% | 4% | 4% |

SUMBER: Data-data soalselidik.
* Purata pendapatan bulanan ($00).

Seperti mana yang ditunjukkan dalam jadual tersebut, 52 peratus daripada 54 peratus mereka yang terlibat dalam kegiatan-kegiatan kempen dan menghadiri perjumpaan-perjumpaan politik adalah terdiri daripada golongan yang berpendapatan antara $I00.00 - $400.00 sebulan. Semantara itu, dalam kegiatan mengundi jumlah mereka yang terlibat ialah sebanyak 28 peratus dan bakinya terlibat dalam beberapa kegiatan lain. Di antaranya, dalam kegiatan-kegiatan menampal poster dan mengedar risalah-risalah parti serta pemegang-pemegang

jawatan penting parti di peringkat cawangan.

5.5. **Kesimpulan.**

Analisa yang telah dilakukan, menunjukkan tidak adanya suatu perkaitan yang jelas antara tingkat pendapatan dan tingkat penyertaan politik masyarakat berkenaan. Dilihat secara keseluruhannya, kita dapati I4 peratus daripada I6 peratus mereka yang digolongkan sebagai golongan aktif adalah terdiri daripada mereka yang miskin dan berpendapatan rendah (antara $I00.00 - $400.00 sebulan).

Dari segi penguasaan ke atas jawatan-jawatan penting parti pula, kita dapati kebanyakan jawatan-jawatan tersebut dikuasai oleh golongan yang miskin dan berpendapatan rendah. Misalnya, 6 peratus daripada mereka adalah terdiri daripada ketua atau pengerusi parti di peringkat cawangan, yang merupakan jawatan politik terpenting di peringkat tempatan. Sebaliknya, di kalangan golongan yang berpendapatan agak lebih tinggi sedikit (antara $40I.00 - $500.00 sebulan), jumlah mereka yang terlibat dalam penguasaan jawatan-jawatan tersebut hanya 2 peratus sahaja.

Kenyataan ini menunjukkan bahawa golongan yang miskin dan berpendapatan rendah juga merupakan golongan yang aktif, khususnya dalam kegiatan-kegiatan politik setempat. Dengan itu, proposisi yang dikemukakan sebelum ini, tidak dapat dibuktikan ketepatannya

melalui penyelidikan ini.

Walau bagaimanapun, pengelibatan golongan yang miskin dan berpendapatan rendah lebih tertumpu kepada kegiatan-kegiatan yang bercorak komunal, terutamanya dalam kegiatan-kegiatan kempen dan perjumpaan-perjumpaan yang bercorak politik. Data-data yang diperolehi melalui penyelidikan ini, menunjukkan 86 peratus daripada mereka terlibat dalam kegiatan-kegiatan tersebut.

University of Malaya

# BAB VI

## KESIMPULAN DAN PENUTUP

Dalam bab ini, pengkaji akan membuat beberapa kesimpulan dan penegasan-penegasan tentang penyertaan politik di kalangan masyarakat yang diselidiki berdasarkan kepada analisa yang telah dilakukan sebelumnya.

### 6.I. Tingkat penyertaan politik penanam-penanam padi mukim Ranau: Suatu kesimpulan umum.

Penyelidikan ke atas masyarakat berkenaan menunjukkan bilangan mereka yang terlibat secara aktif dalam kegiatan-kegiatan politik adalah sangat kecil jumlahnya. Analisa yang telah dilakukan mendapati hanya I6 peratus sahaja daripada responden yang diselidiki terlibat secara aktif dalam kehidupan politik tempatan. Gambaran tersebut menunjukkan betapa rendahnya tingkat penyertaan politik mereka.

Hasil penyelidikan ini juga menunjukkan pola penyertaan politik penduduk-penduduk kawasan ini lebih bersifat "seragam" dan "bermusim". Apa yang dimaksudkan sebagai seragam dan bermusim disini ialah, pengelibatan mereka dalam kegiatan-kegiatan politik lebih tertumpu kepada satu-satu bentuk kegiatan sahaja. Kegiatan-kegiatan tersebut pula, lazimnya hanya berlaku (diadakan) pada musim-musim tertentu. Misalnya, kegiatan-kegiatan menampal poster dan mengedar risalah-risalah parti, menghadiri kempen dan perjum-

paan-perjumpaan yang bercorak politik dan mengundi. Di mana kegiatan-kegiatan tersebut biasanya berlaku (diadakan) semasa pilihanraya diadakan sahaja.

Corak penyertaan yang sedemekian mungkin disebabkan kegiatan-kagiatan tersebut lebih mudah dilakukan dan tidak pula memerlukan suatu inisiatif yang lebih besar daripada para pesertanya. Misalnya, dari segi tenaga, masa, wang dan sebagainya yang harus mereka sumbangkan atau berikan untuk kegiatan-kegiatan tersebut.

6.2. Penyertaan politik dan tingkat pendidikan.

Dari penyelidikan yang telah dilakukan mendapati tidak adanya suatu perkaitan yang jelas antara faktor-faktor pendidikan dan tingkat penyertaan politik masyarakat berkenaan. Sepertimana yang telah dijelaskan melalui huraian-huraian sebelumnya, golongan yang tidak berpendidikan juga merupakan golongan yang aktif dalam kegiatan-kegiatan politik. Malah, dari segi yang lain golongan tersebut mengatasi golongan berpendidikan, terutamanya dari segi penguasaan ke atas jawatan-jawatan penting politik di peringkat cawangan. Misalnya, 6 peratus daripada I6 peratus pemegang-pemegang jawatan penting politik di peringkat cawangan adalah terdiri daripada golongan yang tidak berpendidikan. Mereka terdiri daripada ketua-ketua atau pengerusi-pengerusi cawangan parti, yang merupakan jawatan terpenting dalam hieraki jawatan-jawatan penting

politik di peringkat tempatan.

Walaupun bilangan mereka (tidak berpendidikan) yang terlibat dalam pemegangan jawatan-jawatan tersebut agak kecil jumlahnya, tetapi penguasaan mereka ke atas jawatan-jawatan terpenting tersebut (ketua atau pengerusi), menunjukkan betapa pentingnya kedudukan dan peranan mereka dalam pergerakan-pergerakan politik tempatan.

6.3. Penyertaan politik dan tingkat pendapatan.

Hasil daripada penyelidikan ini juga menunjukkan tidak adanya suatu perkaitan yang jelas antara faktor-faktor pendapatan dan tingkat penyertaan politik masyarakat berkenaan. Data-data yang diperolehi menunjukkan I4 peratus daripada I6 peratus daripada mereka yang dikategorikan sebagai aktivis-aktivis politik tempatan adalah terdiri daripada golongan yang berpendapatan rendah dan miskin ($I00.00 - $400.00 sebulan).

Hal yang sama juga berlaku dalam penguasaan ke atas jawatan-jawatan penting politik, di mana I4 peratus daripada I6 peratus daripada mereka yang memegang jawatan-jawatan penting politik adalah terdiri daripada golongan yang berpendapatan rendah dan miskin. Kenyataan ini menunjukkan bahawa golongan yang berpendapatan rendah dan miskin juga merupakan golongan yang aktif, khususnya dalam

konteks politik tempatan.

6.4. Rekomendasi bagi penyelidikan yang selanjutnya.

Penyertaan kolektif daripada anggota masyarakat dalam kegiatan-kegiatan politik adalah sangat penting. Bagi negara-negara yang mengamalkan sistem politik demokrasi, peningkatan penyertaan politik daripada anggota masyarakat menandakan suatu perkembangan politik yang amat sehat dan sangat-sangat digalakkan. Dari segi yang lain, penyertaan politik adalah sangat penting bagi usaha-usaha pembangunan politik.

Memandangkan betapa pentingnya kita memahami penyertaan politik (sama ada untuk kepentingan akademik dan sebagainya). Maka penyelidikan-penyelidikan yang intensif dan bersifat "makro" ke atas setiap lapisan atau peringkat masyarakat perlu dilakukan dari masa ke semasa. Usaha-usaha yang sedemekian bukan sahaja akan dapat membantu kita untuk memahami "nature" atau "mode" penyertaan politik di kalangan anggota masyarakat, bahkan akan dapat membantu kita untuk mengenalpasti masalah-masalah yang menjadai dasar kepada pembangunan politik di kalangan anggota masyarakat.

Walau bagaimanapun, penyelidikan-penyelidikan yang sedemekian bukanlah suatu perkara yang mudah. Beberapa masalah mungkin timbul dan terpaksa dihadapi oleh setiap penyelidik, terutamanya

dari segi theoritical frame-work yang akan digunakan dalam penyelidikan, pengukuran darjah keterlibatan dalam kegiatan-kegiatan politik, klasifikasi bentuk-bentuk pengelibatan politik dan sebagainya. Oleh itu, satu pendekatan dan "orientasi teori" baru bagi penyelidikan-penyelidikan yang selanjutnya perlu diadakan. Dalam hal ini, beberapa pendekatan disiplin lain, misalnya antropologi-sosiologi, psikologi, sejarah dan sebagainya perlu diambilkira dan dipertimbangkan. Dengan cara ini, sekurang-kurangnya masalah theoritical frame-work mungkin dapat diatasi.

## NOTA DAN CATATAN.

Di daerah ini terdapat beberapa suku/kaum yang masing-masing mempunyai bahasa pertuturannya sendiri. Di antaranya, suku/kaum Kadazan-Dusun, Bajau-Sulu(k), Jawa dan beberapa bahasa daerah yang lain.

Terdapat perbezaan dari segi tafsiran "Bumiputera" antara Sabah/Serawak dengan Semananjung Malaysia. Di Semananjung Malaysia, istilah bumiputera adalah merujuk kepada orang yang mengamalkan adat-istiadat Melayu dan beragama Islam. Di Sabah/Serawak pula, istilah bumiputera adalah merujuk kepada semua suku/kaum yang telah mendiami negeri ini sejak atau sebelum tercapainya kemerdekaan dan penduduk-penduduk asal negeri ini. Sama ada mereka itu beragama Islam atau tidak.

Data dan maklumat diperolehi daripada Buku Taklimat Daerah Kota Marudu, April I984. (Tidak diterbitkan untuk umum).

"Mitabang" secara literalnya dapat diertikan sebagai bertolong-bantu. Sistem ini dipraktiskan oleh suku/kaun Kadazan dalam kegiatan menanam padi, khususnya semasa menuai padi. Setiap orang yang terlibat akan berkerja secara bergilir-gilir di sawah masing-masing. Sama ada mengikut bilangan hari berkerja atau keluasan tanah yang dikerjakan.

Maklumat ini diperolehi daripada En. Laping bin Dali (63), beliau merupakan salah seorang daripada peneroka awal kawasan ini. Asal keluarganya ialah dari kampung Rakit, Kota Marudu, yang berpindah ke kawasan ini sejak tahun I952 yang lalu.

Sabah telah berada di bawah pentadbiran kolonial (Charted Company - British) sejak I8I8 (?) sebelum mencapai kemerdekaan melalui Malaysia pada tahun I963 yang lalu.

Dikutip daripada Huntington, No easy Choice, I976, muka surat 8I.

Di kutip dari Milbrath, Political Participation, Chicago, I977, m.s. 94.

Maklumat diperolehi daripada En. Laping bin Dali (lihat nota no. 5).

BIBLIOGRAFI

I. Gibrael A. Almond and Sidney Verba, Civic Culture: Political Attitude and Democracy in Five Nation, Princeton, Princeton University Press, 1963.

2. Giuseppe Di Palma, Apathy and Participation: Mass Politics in Western Societies, The Free Press, Collier-McMillan Ltd., New York, 1970.

3. Harbert McClosky, "Political Participation", dlm. International Encyplodia of Social Science, 2nd. Ed., New York, 1972,

4. H. T. Raynold, Politic and The Common Man: An Introduction To Political Behavior, The Dorsy Press, 1977.

5. Hussain Mohamed, Masyarakat dan Politik Di Kampung Padang Luas, Trengganu, Thesis M.A., Jabatan Antropologi & Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1974.

6. Ishak Shaari dan Jomo K. Sundram, Apakah Dasar Ekonomi Baru Dapat Mencapai Perpaduan Kebangsaan: Pembangunan dan Ketidaksamaan 27 Tahun Selepas Mardeka, Institut Analisa Sosial (INSAN), Petaling Jaya,Selangor, 1984.

7. Laster Milbrath and M.L. Goel (eds.), Political Participation: How Do People Get Involved In Politic, 2nd. Ed., Rand McNally College Publishing Co., Chicago, 1977.

8. Michael Rush and Phillip Althoff (eds.), An Introduction To Political Sociology, Thomas Nelson & Sons Ltd., 1972.

9. Miriam Budiardjo, Partisipasi Politik: Sebuah Bunga Rampai, Penerbit PT Gramedia, Jakarta, 1981.

IO. Norman H. Nie and Sidney Verba (eds.), "Political Participation" dlm. Handbook of Political Science, Fred I. Greenstein and Nelson W. Polsky (eds.), Reading, Mass: Addison-Welly Publishing Company, 1975, Vol. IV.